

Ticket to Victory

# Bahasa Melayu

Kertas 2



**TERBITAN:**

SEKTOR PEMBELAJARAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

---

**EDISI KEDUA**

# PRAKATA



Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kerjasama panel penggubal, guru cemerlang dan jurulatih utama mata pelajaran telah menghasilkan modul Ticket to Victory yang disediakan berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan 4 dan 5. Penghasilan modul ini adalah hasil sumbangan tenaga guru - guru berpengalaman negeri Perak. Modul ini mengandungi contoh soalan mengikut topik dan skema jawapan bagi 21 mata pelajaran teras dan elektif terpilih berdasarkan format baharu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2022.

Modul Ticket to Victory disediakan dalam format "pdf" dan boleh digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) atau digunakan sebagai bahan latihan pengukuhan, pengayaan dan ulangkaji di rumah. Bahan ini juga boleh dijadikan panduan kepada guru-guru untuk membina soalan mengikut format SPM. Justeru itu, diharap modul Ticket to Victory dapat dimanfaatkan sebaik mungkin demi kecemerlangan SPM di negeri Perak bertepatan dengan slogan Jabatan Pendidikan Negeri Perak iaitu "We Deliver".

Sektor Pembelajaran,  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak  
Jalan Tawas Baru Utara,  
Tasek Damai,  
30010, Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan  
Tel: 05-292 2745 / 05- 292 3603  
Faks : 05 – 292 3851  
2022

## PRAKATA PENGARAH PENDIDIKAN



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Modul Ticket To Victory ini berjaya dihasilkan untuk edisi kedua.

Modul ini dihasilkan oleh Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kolaboratif panel penggubal, guru cemerlang dan jurulatih utama mata pelajaran yang berpengalaman. Modul ini mengandungi 21 mata pelajaran teras dan elektif terpilih merangkumi sukatan tingkatan 4 dan 5.

Pembinaan modul ini adalah seiring dengan perubahan format peperiksaan SPM bermula tahun 2021 berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Modul ini juga diharapkan dapat membantu guru-guru dan calon-calon SPM menjalankan latihan tubi berfokus agar mereka lebih bersedia untuk menghadapi peperiksaan SPM nanti.

Bagi pihak jabatan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sektor Pembelajaran JPN dan PPD serta guru-guru yang bergabung tenaga dan idea menghasilkan modul ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Yayasan Perak atas sumbangan dan sokongan yang berterusan dalam menjayakan pembinaan modul ini.

Akhir kata, semoga Allah SWT sentiasa memberkati usaha yang kita lakukan ini dan pendidikan di negeri Perak akan terus cemerlang.

Sekian. Terima kasih.

AZNAN BIN ALIAS, AMP

Pengarah Pendidikan Negeri Perak



## PRAKATA TIMBALAN PENGARAH PENDIDIKAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh kepada semua warga pendidik dan semua calon SPM negeri Perak.

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan berkat izin dan limpah kurnia-Nya, Modul Ticket To Victory ini dapat direalisasikan untuk edisi kedua. Modul ini melibatkan 21 mata pelajaran teras dan elektif terpilih merangkumi sukatan tingkatan 4 dan 5.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua bidang di Sektor Pembelajaran, JPN Perak dan semua panel penggubal modul yang terdiri daripada guru cemerlang, jurulatih utama mata pelajaran dan guru berpengalaman yang telah bertungkus lumus mengorbankan masa, tenaga dan buah fikiran sehingga berjaya menghasilkan modul ini mengikut masa yang ditetapkan.

Penghasilan Modul Ticket To Victory ini adalah salah satu inisiatif Jabatan Pendidikan Perak untuk menyediakan sumber pembelajaran dan latihan kepada calon-calon SPM. Pemilihan item soalan adalah merangkumi pelbagai aras kesukaran bagi setiap mata pelajaran. Soalan - soalan telah disusun berdasarkan format terkini peperiksaan SPM seiring dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah.

Modul pembelajaran ini akan disebarluaskan kepada guru-guru melalui blog Anjung Ilmu Guru Perak. Saya amat yakin penggunaan modul ini dan juga komitmen semua yang terlibat akan memberikan impak yang besar kepada kecemerlangan murid di negeri Perak dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia nanti.

Sekian. Terima kasih.

  
PUAN HAJAH BAHIMAH BINTI MOHAMED, AMP  
Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Pembelajaran  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

# PANEL PEMURNIAN TTV EDISI 2



CHE NURFAIZATIE BINTI  
CHE AZIZ  
SMK RAJA PERMAISURI  
BAINUN



SURATI BINTI SUJUD  
SMK ANDERSON



FATIMAH HANAN BINTI  
ISHAK  
SMK KG. DATO' AHMAD SAID



YUGESVARAN A/L  
MARIMUTHU  
SMK PENGKALAN



HUSNANI BT A. HALIM  
SMK BERCHAM



NURUL ADILA BINTI MOHD  
SALEH  
SMK ST. MICHAEL

## PANEL PEMBIMBING

1. TUAN HAJI AZEMI B. MD ZUKI  
(KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN BAHASA,  
SEKTOR PEMBELAJARAN JPN PERAK)
2. NURMAZURA BT MOHD YUNUS  
(PENOLONG PENGARAH BAHASA,  
SEKTOR PEMBELAJARAN JPN PERAK)
3. MISAH BINTI SULAIMAN (SISC+ PPDKIU)
4. PUTRI FARIDAH HANIZAH BINTI DAHALAN  
(SISC+ HIP)
5. KHAIRUL AZHAR BIN MOHD ZAHARI (SISC+ BAP)
6. ROSE NIZA BINTI SALLEH (SISC+ MANJUNG)
7. UMMAL SALMAH BINTI MSM SULTAN  
DULKARUNAIN (SISC+ MUALLIM)



MUHAMMAD SOFUAN  
BIN SAADON  
SMK SERI KELEDANG



NORAZLINA BINTI AB HADI  
SABK MAHAD AL  
UMMAH

**Sekalung penghargaan  
kepada panel penggubal  
Modul TTV Edisi 1**



ROHAYA BINTI ISMAIL  
SMK JATI



NOORIN BINTI MOHAMED  
HAIRIRI  
SMK SIMPANG PULAI

# Kandungan

Prakata Pengarah Pendidikan Negeri Perak

Prakata Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Perak

Pasukan Panel Pemurnian

1 – 10	Modul Latihan Kertas 1 Set 1
11 - 20	Modul Latihan Kertas 1 Set 2
21 - 31	Modul Latihan Kertas 1 Set 3
32 - 41	Modul Latihan Kertas 1 Set 4
42 - 65	Skema Jawapan Set 1 – Set 4



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022

BAHASA MELAYU

Kertas 2

2 jam 30 minit

1103/2

# SET 1

---

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian : **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**
2. Jawab semua soalan.
3. Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
5. Buku jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

## BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

1. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **dua kata tunggal** dan **dua kata majmuk**. Kemudian bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Kerjasama semua pihak sangat penting dalam mengekalkan warisan sejarah negara kita supaya tidak lenyap dibawa arus masa. Arkib Memorial merupakan institusi yang dikendalikan oleh Arkib Negara untuk menempatkan, memulihara hak cipta dan mempamerkan apa-apa bahan bersejarah untuk memperingati sesuatu peristiwa, seseorang atau aspek sejarah lain yang ditempatkan di dalamnya. Sehingga kini, terdapat 11 buah arkib Memorial di bawah tanggungjawab pengurusan dan seliaan Jabatan Arkib Negara. Pelbagai maklumat dan fakta sejarah penting negara dipamerkan dengan cara dan konsep tersendiri.

Dipetik dan diubah suai daripada Arkib Memorial Memori Negara,  
Oleh Nurzuliana binti Kamaruzaman,  
*Dewan Siswa, Bil 10/2019.*

[8 markah]

2. *Baca petikan di bawah, kemudian **bina enam ayat tanya** yang lengkap dengan **menggunakan kata tanya** yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang berhuruf condong.*

### CERDIK BELANJA SEJAK KECIL

*Program HSBC Junior Achievement (JA) More Than Money* merupakan satu inisiatif pendidikan kewangan yang diwujudkan oleh JA Worldwide yang bertujuan mengajar kemahiran kewangan asas kepada *murid berumur tujuh hingga 11 tahun*. Program ini diharap dapat mencetuskan minat anak muda terutamanya murid sekolah tentang pengurusan wang pada masa hadapan.

*“Pada program sesi pertama, murid akan diajar cara menguruskan wang. Mereka akan bermain permainan komuniti yang bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran pengurusan wang dan memahami pentingnya wang dalam kehidupan mereka. Pada akhir sesi keenam pula, murid akan dilengkapi dengan pendidikan kewangan seperti cara-cara membuat keputusan perniagaan dengan bijak,”* kata *Pengarah Eksekutif dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, HSBC Bank Malaysia Berhad*, Jon Addis ketika ditemui di majlis pelancaran program tersebut di *Bangunan HSBC, Kuala Lumpur*.

Sumber: Berita Harian Online

[6 markah]



3. *Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan pembedulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

**Bahan 1**

Sukan ialah segala kegiatan yang memerlukan kemahiran atau kelajuan serta tenaga yang dilakukan sama ada sebagai acara pertandingan, hiburan, ataupun untuk mengisi maslapang dan beriadah. Sebagai contoh, aktiviti sukan yang agak popular pada masa kini ialah olah raga, bola sepak, tennis, badminton dan skuash. Tahukah anda bahawa memanah merupakan acara yang telah pun bermula sejak 20,000 tahun yang lalu? Fakta ini menunjukkan bahawa kegiatan sukan telah menjadi sebahagian dari kehidupan manusia sejak bermulanya tamadun awal dunia.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Remaja Aktif Bersukan'  
Oleh Norsuhaila Ibrahim  
*Dewan Siswa, Bil. 04/2017*

[6 markah]

**Bahan 2**

Kegiatan sukan mendatangkan banyak faedah-faedah kepada remaja. Antaranya sukan dapat melahirkan remaja yang sihat dalam segi fizikal dan mental. Aktiviti sukan seperti berbasikal dan mendaki gunung akan membantu remaja untuk membina tubuh badan yang sihat, cerdas, dan menarik. Bersukan juga dapat membantu remaja mengisi masa lapang dengan cara yang bermanfaat supaya remaja yang aktif bersukan pasti tidak akan melakukan aktiviti yang kurang bermanfaat seperti melepak di pusat membeli-belah, tidur dan bermain permainan video. Impaknya, remaja akan membentuk gaya hidup yang sihat dan terhindar daripada masalah sosial.

Dipetik dan diubah suaidaripada  
'Faedah Sukan kepada Remaja'  
Buku Teks Tingkatan Empat,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

[5 markah]

4. *Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Setelah sudah ibunya mendengar kata anaknya demikian itu, maka ibunya pun menangis, seraya berkata, "Hai anakku, yang bapamu itu sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu bernama Laksamana Hulubalang Rayu Melaka,"

Setelah Kertala Sari mendengar kata ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu marah, katanya, "Siapa menyuruh membunuh bapaku itu supaya negeri Majapahit ini habis kubinasakan?"

Dipetik daripada  
Kepimpinan Melalui Teladan  
dalam Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 markah]

5. *Dialog di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam dialog tersebut.*

- Zaini : Semangat patriotik dalam kalangan masyarakat kita kian luntur.
- Liza : Apalah yang hendak dihairankan kerana masyarakat kita semakin materialistik. Mereka juga suka mementingkan diri sendiri.
- Zaini : Masalah ini bertambah serius dalam kalangan remaja kerana mereka tidak mengambil berat tentang patriotisme.
- Liza : Perkara itu tidak dapat dinafikan kerana anak-anak itu akan mencontohi amalan dan perlakuan ibu bapa mereka.
- Zaini : Perkembangan negatif ini tidak wajar dibiarkan, kalau tidak rakyat Malaysia akan berhadapan dengan pelbagai krisis suatu hari nanti terutama krisis identiti dan jati diri.
- Liza : Betul kata kamu. Kita tidak mahu ada pihak yang akan mengambil kesempatan atas kelalaian dan kecuaiian kita tentang pengekalan semangat patriotik dalam kalangan rakyat.

[4 markah]

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**

[35 markah]

6. Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**

Lata Iskandar merupakan salah sebuah *kawasan rekreasi* air terjun yang menarik dengan alam semula jadinya yang mengagumkan dan mudah untuk dikunjungi. Terletak di pertengahan jalan di antara Tapah dengan Cameron Highlands, air terjun ini mempunyai kolam-kolam takungan di setiap hujung barisnya, menyediakan satu tempat mandi yang sesuai untuk seisi keluarga. Pengunjung boleh mengambil peluang untuk bermandi-manda di dalam airnya yang sejuk dan segar, yang terbit dari kawasan pergunungan. Bagi pencinta alam pula, sedikit masa yang diluang melalui denai-denai hutan yang telah disediakan akan mendatangkan kepuasan apabila mereka melihat kekayaan flora dan fauna di sekeliling air terjun tersebut.

Di bahagian bawah air terjun ini, terdapat bazar-bazar kraf tangan yang menawarkan pelbagai hasil kraf tangan yang boleh dibeli mengikut cita rasa masing-masing. Hasil-hasil kraf tangan di sini bermutu tinggi terutamanya hasil-hasil kraf tangan oleh orang Asli.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Lata Iskandar,  
Laman web rasmi Majlis Daerah Tapah

**Bahan 2**

Malaysia bumi bertuah. Banyak anugerah semula jadi yang dimiliki oleh Malaysia dapat dijadikan destinasi pelancongan. Satu daripada sumber semula jadi yang mampu menjadi daya penarik pelancong ialah Air Terjun Sungai Chiling yang terletak di tengah-tengah hutan simpan negeri Selangor. Air Terjun Sungai Chiling ini terletak di Kuala Kubu Bharu, Selangor.

Air Terjun Sungai Chiling merupakan satu daripada air terjun tercantik di negeri Selangor. Air terjun ini mempunyai tiga tingkat. Perjalanan dari pintu masuk kawasan Sungai Chiling untuk sampai ke air terjun mengambil masa kira-kira satu jam selepas lima kali menyeberang jeram. Air jeram ini agak deras dan dalam jika hari hujan.

Pemandangan di sepanjang perjalanan ke kawasan Air Terjun Sungai Chiling dari Kuala Kubu Bharu sangat memukau kerana terdapat sebuah tasik yang sangat luas. Tasik ini merupakan Empangan Sungai Selangor. Terdapat juga pengunjung yang singgah di tasik ini selepas ke Air Terjun Sungai Chiling.

Dipetik dan diubah suai daripada Anugerah Alam  
Buku Teks Tingkatan Satu  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *kawasan rekreasi*.

[2 markah]

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan perbezaan kedua-dua tempat pelancongan tersebut.  
[3 markah]

(iii) Terdapat pelbagai tempat pelancongan di negara kita.  
Pada pendapat anda, bagaimanakah cara-cara untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara ini?  
[3 markah]

(iv) Seorang daripada rakan anda bercadang untuk melancong ke luar negara.  
Cadangkan persediaan awal yang perlu dilakukan oleh rakan anda sebelum pergi melancong ke luar negara.  
[4 markah]

7. Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**

Minggu-minggu pertama saya berada di kota mewah ini, dapat saya saksikan kerapuhan jiwa anak-anak muda sebangsa saya. Mereka dihanyutkan keseronokan hidup dengan memperdagangkan maruah dan peribadi. Saya berasa *jelik dan aib* menyaksikan adegan sumbang wajah-wajah anak muda peribumi tanah air ini yang tidak segan silu menjual bahasa ibunda dan merosakkan agama yang murni. Anak-anak muda lelaki dan perempuan berpelesiran dalam pergaulan bebas sambil bercakap dalam bahasa yang entah apa-apa. Mereka bergelak tawa dalam loghat yang direka-reka konon untuk menunjukkan kemodenan. Saya jadi keliru dengan setiap patah slanga dan klausa yang tidak saya faham. Ada yang menggunakan pelbagai istilah rojak yang dicampuradukkan dengan bahasa asing yang mengelirukan. Saya jadi buntu. Malah berasa malu dengan sikap dan gelagat anak-anak muda sebangsa saya yang telah hilang identiti dan jati diri di negara mewah ini.

Dipetik daripada  
Cerpen 'Munsi' oleh Husna Nazri  
Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

<b>Bahan 2</b>
----------------

### ANAK WATANKU

Dari jauh kulihat mereka  
 anak-anak watan pewaris bangsa  
 berpegangan tangan tanpa silu  
 berpakaian sendat tanpa malu  
 harga diri sirna entah ke mana  
 hanyut dibuai nafsu muda  
 lemas dek arus modenisasi

Ada belati menghiris tangkai hatiku  
 pedihnyanya bagai disiat-siat  
 tangisku tidak bernoktah

Anak watanku  
 Usah lena dibuai mimpi  
 Usah rebah dalam asyik duniawi  
 Budaya bangsa tinggalan nenda  
 Pusaka berharga  
 Kendonglah menongkah masa  
 Di situlah letakkanya nilai bangsa

*AB Rodz, Taiping*

- i) Berdasarkan bahan 1, apakah reaksi saya apabila melihat sikap dan gelagat anak-anak muda sebangsa yang telah hilang identiti dan jati diri?

[2 markah]

- ii) Berdasarkan bahan 1 dan bahan 2, nyatakan keadaan anak muda.

[3 markah]

- iii) Penggunaan bahasa yang betul amat penting dalam berkomunikasi.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan menggunakan bahasa yang betul ketika berkomunikasi?

[4 markah]

- iv) Rakan-rakan anda sering menggunakan bahasa Melayu yang tidak betul dalam media sosial. Penggunaan bahasa Melayu mereka bukan sahaja bercampur aduk dengan bahasa Inggeris, malah mereka gemar mencipta ejaan baharu yang sukar dibaca.

Sebagai remaja yang cinta akan bahasa, bagaimanakah anda dapat mengatasi masalah ini?

[4 markah]

8. Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Arus sungai berkeladak dan bergerak deras. Kanak-kanak menjadikan sungai sebagai pesta untuk mencari juara peredah arus. Yang belum puas akan berloncatan atau berjamb-jamb berendam. Yang kesejukan, berpelukan tubuh di tebing.

Dahlia memerhatikan gelagat kanak-kanak tersebut dari depan rumahnya dalam jarak 45 meter. Anak-anak kecil melompat dari jambatan dengan begitu bebas, begitu bahagia. Alangkah bahagianya mereka. Ada sebak menebal di jiwa.

Mengingati saat silam, di tebing itulah dia sering berlarian menarik benang layang-layang tanpa sekelumit pun memikirkan erti kemiskinan. Perut yang berbunyi dan matahari yang membakar tidak sedikit pun mengurangkan sejumlah kebosanan. Indahya saat itu.

Dipetik daripada Novel *Songket Berbenang Emas*  
Karya Khairuddin Ayip  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- i) Nyatakan ciri-ciri kehidupan yang dirasakan pada zaman kanak-kanak?

[4 markah]

- ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut :

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor
- c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- e) Songket Bebenang Emas karya Khairuddin Ayip
- f) Tirani karya Beb Sabariah
- g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Pengarang mewujudkan peristiwa-peristiwa yang mengandungi nilai-nilai murni kepada pembaca.

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa nilai bertanggungjawab yang ditunjukkan oleh **watak** melalui novel tersebut.

[6 markah]

## BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

9. *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

<b>Bahan 1</b>
----------------

Kemakmuran sesebuah negara amat bergantung pada kemantapan dan keutuhan hubungan dalam setiap lapisan masyarakat. Hubungan yang erat antara jiran dalam masyarakat merupakan ciri masyarakat yang berkualiti. Semangat kejiranan dapat memainkan peranan yang amat penting dalam menjana kehidupan setempat yang aman dan harmoni.

Jiran ialah orang yang tinggal paling hampir dengan tempat kediaman kita. Segala perkara yang berlaku pada diri kita terlebih dahulu diketahui oleh jiran. Oleh itu, jiran merupakan orang yang paling mudah memberikan pertolongan pada saat kita ditimpa bencana. Pertolongan seperti inilah yang amat diperlukan pada masa kecemasan sementara menunggu bantuan pihak berwajib atau sanak-saudara. Jiran yang berbeza latar belakang memiliki pengetahuan dan kemahiran yang boleh kita kongsi bersama-sama. Di samping itu, jiran yang sepakat dan bersatu padu mampu menjamin keselamatan setempat daripada sebarang ancaman seperti kecurian, penyalahgunaan dadah dan budaya samseng.

Segala perkara yang mencemarkan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat dapat dicegah dengan semangat kerjasama dan keprihatinan sesama jiran. Gejala sosial seperti khalwat, penderaan kanak-kanak dan kes-kes jenayah dapat dibendung jika jiran memainkan peranan. Kita perlu bertindak sekali pun gejala tersebut tidak menimpa ahli keluarga sendiri. Setiap ahli masyarakat seharusnya beringat sebelum terjadi sesuatu yang buruk, bak kata pepatah, 'sediakan payung sebelum hujan. Jiran yang hidup dalam suasana bekerjasama dapat menjana program yang menyumbang kebajikan kepada masyarakat setempat. Rahsia kejayaan program ini terletak pada persepakatan dan persefahaman yang mantap sesama jiran.

Perpaduan dapat dilahirkan melalui hubungan baik sesama jiran. Jiran yang baik ialah jiran yang berjaya memupuk semangat toleransi, saling mempercayai dan mengamalkan perkongsian pintar sesama mereka. Namun kita perlu sedar bahawa semangat kejiranan perlu disuburkan dari semasa ke semasa melalui pelbagai aktiviti kejiranan. Amalan ziarah-menziarahi perlu sentiasa diamalkan oleh masyarakat bagi memperkasakan semangat kejiranan. Di samping itu, amalan bertukar-tukar juadah juga merupakan amalan yang sangat relevan bagi memastikan semangat kejiranan kekal subur dalam kalangan masyarakat.

Kesimpulannya, jelaslah kepada kita betapa penting dan besarnya peranan jiran dalam menentukan kemakmuran dan kesejahteraan sesebuah negara. Hanya negara yang makmur dan sejahtera sahaja yang akan dapat meneruskan agenda pembangunan yang lebih gemilang pada masa akan datang.

Dipetik dan diubah suai daripada *Kejiranan, Cara Kekalkan Hubungan Baik*, oleh Ahmad Tarmizi Zakaria,  
*Utusan Malaysia*

**Bahan 2**

(Sumber: Buku teks Bahasa Melayu KSSM Tingkatan 4)





KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022

BAHASA MELAYU

Kertas 2

2 jam 30 minit

1103/2

# SET 2

---

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian : **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**
2. Jawab semua soalan.
3. Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
5. Buku jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

## BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 Markah]

1. *Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata hubung. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata hubung untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Setelah semua meja pelanggan di restoran itu didekatinya, dia keluar dari restoran itu. Dia berjalan ke arah bank lalu terserempak dengan Aswad.

"Beli dodol, bang," katanya kepada Aswad sambil tersenyum.

"Maaf, abang tidak makan dodol," kata Aswad.

"Abang boleh membeli dodol ini untuk ibu atau bapa abang. Mereka mungkin gemar makan dodol ini," kata budak itu. Dia masih tidak berputus asa.

"Abang tidak tinggal dengan ibu bapa tetapi tinggal dengan kawan-kawan" Aswad memberikan alasan.

"Kalau begitu, beli dodol ini untuk kawan-kawan abang," kata budak itu. Dia masih mahu mencuba nasib kerana jualannya masih belum mencapai sasaran.

Dipetik dan diubah suai daripada Buku Teks Tingkatan 3,  
Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018

[8 markah]

2. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan ayat majmuk yang bergaris kepada ayat tunggal tanpa mengubah maksud asalnya.*

Sisa elektronik ialah komponen elektronik yang telah usang atau tidak diperlukan oleh penggunaanya. Sisa elektronik mengandungi bahan kimia berbahaya seperti asid, pelarut, raksa, dan plumbum. Bahan kimia ini mengancam kesihatan manusia dalam jangka masa pendek dan panjang. Di Malaysia, sisa elektronik dikategorikan sebagai sisa terjadual dalam Jadual Pertama Kod SW110 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127] Buangan Terjadual (2005). Sisa ini dikategorikan sebagai bahan buangan terjadual kerana mempunyai ciri-ciri kebolehnyaalaan, menghakis, bertindak balas, dan bertoksik.

Dipetik dan diubah suai daripada *Buku Teks Tingkatan 5*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020

[6 markah]

3. *Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

**Bahan 1**

Berkenaan dengan penggunaan bahasa rojak pula, beliau berpendapat bahawa perbuatan ini lazim berlaku bila kita mengetahui lebih dari satu bahasa. Namun demikian, kelaziman ini boleh dikurangkan atau dihapuskan. Hal ini tidak sukar untuk dilakukan kerana pepatah Melayu ada menyatakan bahawa alah bisa tegal biasa.

Beliau seterusnya menyerukan agar penggunaan bahasa Melayu yang bermutu digunakan seluas-luasnya. Sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu perlu senantiasa wujud dalam bentuk bestari daripada semua segi. Bahasa Melayu juga perlu digunakan didalam pelbagai bidang, iaitu pendidikan, perniagaan, dan lain-lain bidang.

Dipetik dan diubah suai daripada *Buku Teks Tingkatan 3*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018

[6 markah]

**Bahan 2**

Anis :Dr. selaku salah seorang petugas di bahagian perkembangan sastera; bolehkah Dr. jelaskan fungsi DBP dalam usaha memupuk dan melahirkan gulungan penulis kreatif yang berwibawa khususnya di kalangan remaja?

Zaidi :Di sekolah, sastera diajar kepada para pelajar melalui berbagai teori sastera. Pelajar-pelajar akan mengenali watak dan perwatakan, gaya bahasa, teknik penulisan dan sebagainya. Sementara DBP pula mahu menyampaikan hal yang lebih dari itu tentang sastera kepada para remaja.

Sumber: Internet

[5 markah]

4. *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Adapun segala orang Siam yang kembali itu, telah ia sampai ke benua Siam, maka Awi Dicu pun masuk menghadap Paduka Bubunnya. Maka Paduka Bubunnya pun terlalu marah; maka ia sendiri hendak pergi menyerang Melaka itu. Maka ada seorang anak Paduka Bubunnya, Cau Pandan namanya. Maka ialah bercakap Ke Bawah Duli Paduka Bubunnya hendak menyerang Melaka, sembahnya "Duli Pra Cau, lengkapi patik, patiklah mengalahkan Melaka itu."

Dipetik daripada prosa Burung Terbang Dipipiskan Lada  
antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

5. *Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **dua peribahasa** yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.*

Perpaduan rakyat menjadi tonggak kegemilangan negara Malaysia. Mereka saling membantu antara satu sama lain. Mereka amat sedar bahawa pada masa ini sikap negatif akan menyukarkan kerajaan untuk menyatupadukan rakyat. Sekiranya hal ini wujud, maka tiada sesiapa pun yang untung. Sebaliknya mereka akan kehilangan segala-galanya.

Sumber: Internet

## BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 Markah]

6. Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### Bahan 1

KUALA LUMPUR: Pemegang Amanah Yayasan Perpaduan Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata perkara itu hanya boleh dicapai jika semua pihak menolak sebarang bentuk ekstremisme yang boleh menjejaskan keharmonian antara kaum dan agama. Berikutan itu, katanya, penting bagi semua rakyat yang sederhana dan patriotik untuk terus memperjuangkan usaha membentuk Bangsa Malaysia yang bersatu padu. Lam Thye berkata, perkara itu perlu kerana perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya adalah cabaran terbesar negara pada tahun mendatang.

“Cabaran ini kunci utama kelangsungan hidup kita sebagai sebuah negara. Amat dikesalkan jika ada sesiapa yang membuat kenyataan panas dan provokatif yang boleh membawa kepada konflik dan ketegangan serius yang boleh *menjejaskan keamanan*, keharmonian dan perpaduan negara. “Apa yang Malaysia perlukan hari ini bukan wira etnik tetapi pembina jambatan etnik atau duta kedamaian yang dapat membantu memupuk semangat muhibah, saling menghormati, kedamaian dan keharmonian.

Dipetik dan diubahsuai daripada  
bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/605018/  
peraduan-kaum-di-Malaysia-perlu-terus-utuh-Haika-Khazi,  
*Berita Harian Online* 9 September 2019

### Bahan 2

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin melancarkan Dasar Perpaduan Negara yang bersifat inklusif, jelas dan kohesif, demi memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang kukuh teras perpaduannya. Menggariskan tiga objektif utama, Dasar Perpaduan Negara yang berkonsepkan Perpaduan Dalam Kepelbagaian itu menetapkan strategi jangka panjang dalam usaha berterusan untuk memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat. "Ia selaras penerimaan rakyat Malaysia bahawa masyarakat negara ini adalah majmuk dan mempunyai pelbagai latar belakang pegangan agama, pengenalan bangsa serta budaya.

Berikutan perbezaan dan kepelbagaian ini, usaha ke arah mewujudkan perpaduan di negara ini perlu dilengkapi dan dilandasi usaha integrasi berterusan. Perdana Menteri berkata, penggubalan Dasar Perpaduan Negara juga berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, selain ia selaras dengan dasar utama negara seperti Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, Rancangan Malaysia Lima Tahun dan dasar lain yang berkuat kuasa. Beliau berkata, walaupun ada ketika wujud perbezaan, persaingan dan konflik, tetapi kesepaduan sosial yang wujud sekian lama dalam masyarakat di negara ini mengekalkan perpaduan rakyat sehingga kini.

Sumber : bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/786274/3-  
objektif-utama-dasar-perpaduan-negara-pm

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *menjejaskan keamanan*.

[2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan cara dalam mempertahankan keamanan dan keharmonian negara.

[3 markah]

- (iii) Aktiviti sukan berpasukan seperti bola sepak, hoki dan bola jaring mampu memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Pada pendapat anda, bagaimanakah semangat perpaduan dipupuk ketika aktiviti sukan berlangsung?

[3 markah]

- (iv) Kumpulan anda diminta menyiapkan tugas (Project Based Learning) iaitu mencipta Pantun Dua kerat yang bertemakan Perpaduan kaum. Namun tugas tersebut tidak berjaya diselesaikan.

Sekiranya kumpulan anda diberikan peluang kedua untuk menyiapkan tugas yang sama dalam masa yang ditetapkan, cadangkan langkah-langkah untuk memastikan tugas tersebut dapat diselesaikan.

[4 markah]

7. Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

<b>Bahan 1</b>
----------------

“Kau nak buat tugu Pak Kaduk ke? Apa gunanya membina tugu dalam kampung ni. Mana ada pelancong yang nak datang melawat?” tanya Azam.

“Aku bergurau saja. Lagipun ini tanah kampung yang berstatus tanah pertanian. Apalagi yang wajar dibuat selain berkebun dan menternak. Aku sudah mendapat nasihat dan berbincang dengan beberapa orang. Aku sudah berbincang dengan agensi kerajaan yang bertanggungjawab memajukan bidang pertanian.”

Hakim merancang agar tanah Pak Kaduk dapat dimanfaatkan. Dia memutuskan untuk menternak ayam secara kontrak dengan sebuah syarikat besar. Syarikat beroperasi dan terkenal di seluruh dunia sebagai global Chicken. Global Chicken menubuhkan cawangan di Malaysia dengan nama rangkaian Jasa Agrikultur atau nama singkatnya RAJA. Hakim membuat keputusan memasuki bidang penternakan bersandarkan beberapa faktor. Dia selalu sangat mendengar para menteri dan pakar ekonomi berkata, “Pada masa sekarang ini kerajaan sangat mementingkan aktiviti pengeluaran makanan. Negara mesti mengeluarkan lebih banyak makanan.

Dipetik daripada Kaduk Ayam dan Raja oleh Zurinah Hassan  
antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

<b>Bahan 2</b>
----------------

**Semarakkan Pertanian dan Penternakan kita**

Teguh di sini pohon yang indah,  
 Bunga melati gugur ke bumi,  
 Waktu ini terbukti sudah,  
 Pokok jati penjana ekonomi.

Pokok keman tumbuh melata,  
 Rumpun keladi ubi berisi,  
 Kaedah tanaman kini tercipta,  
 Pokok padi terima inovasi

Batang ditarah daun dibelah,  
 Hendak digapai pucuknya tinggi,  
 Keringat diperah budi terserlah,  
 Hasrat tercapai tak mungkin tinggi

Indah nian bawah meranti,  
 Akar kani terus melata,  
 Agensi pertanian sedia berbakti,  
 Semarak tani Malaysia tercinta.

Azean Hashim,  
 Che Yan Channel,  
 26 Oktober 2020

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, apakah kegunaan tanah kampung yang berstatus pertanian?  
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan usaha-usaha yang dilakukan oleh para petani untuk meningkatkan taraf hidup mereka.  
[3 markah]
- (iii) Sektor pertanian merupakan sektor yang penting di seluruh dunia. Pada pendapat anda, apakah kepentingan sektor pertanian di negara kita?  
[4 markah]
- (iv) Sektor pertanian mempunyai potensi besar untuk dimajukan. Namun begitu, bidang pertanian ini kurang diminati oleh generasi muda kerana dikatakan generasi muda lebih berminat untuk bekerja makan gaji.

Sebagai anak muda yang sukakan cabaran, apakah yang perlu anda lakukan untuk meningkatkan minat anda dalam bidang pertanian?

[4 markah]

8. Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4* dan *Tingkatan 5*.

- (i) Baca petikan novel di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Saya tidak bertujuan bercakap banyak. Bagi saya, kerajaan sudah cukup memberikan kemudahan kepada kita. Baik air, elektrik, telefon dan tidak lama lagi akan dibina jalan bertar. Tetapi sikap kita tidak akan membawa kemajuan, jika tidak rela saling membantu. Maaflah, jika kata-kata saya tidak disenangi. Andainya tuan-tuan selepas ini tidak lagi memilih saya sebagai ketua, saya tidak kesal kerana sudah menyampaikan perkara yang simpan selama ini. Terima kasih.”

Mungkin kesan daripada kata-kata Haji Sulaiman, perubahan begitu ketara dalam kalangan penduduk kampung. Rumahnya yang rebah, telah didirikan semula oleh orang-orang kampung secara gotong-royong. Kayu-kayu yang baharu, menurut Haji Sulaiman ialah sumbangan parti menggantikan kayu-kayu yang rapuh.

Dipetik daripada novel *Songket Berbenang Emas*  
oleh Khairuddin Ayip  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan perubahan yang telah berlaku kepada penduduk setelah mendengar teguran daripada Haji Sulaiman?

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib.
- b) Di sebalik Dinara, karya Dayang Nor.
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin.
- d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin.
- e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip.
- f) Tirani karya Beb Sabariah.
- g) Silir Daksina, karya Nizar Parman.
- h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang dapat dijadikan sebagai pengajaran dalam kehidupan.

[6 markah]



**BAHAGIAN C : RUMUSAN**

[30 Markah]

9. *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

**Bahan 1**

Sektor pertanian dilabelkan sebagai satu bidang yang amat penting walaupun bukanlah diusahakan oleh individu yang dilabelkan sebagai pekerja dari bidang profesional. Menurut Ashriq Fahmy Ahmad (2012), sektor pertanian ini kebiasaannya hanya dipelopori oleh para petani secara kecil-kecilan dan kurang diminati oleh segolongan besar rakyat Malaysia.

Berbeza pula dengan apa yang kita lihat pada tahun 2016 iaitu rata-rata anak muda semakin giat mengusahakan bidang pertanian ini sebagai sesuatu yang dilihat mempunyai potensi dalam memberi pulangan yang lumayan. Disebabkan itu juga, bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan rakyat negara Malaysia, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Selangor (DPMMS) bersama Universiti Putra Malaysia UPM) telah menganjurkan Program Cabaran Siswatani 2011.

Bukan itu sahaja, bidang pertanian ini dilihat dapat mengurangkan kebergantungan terhadap pengimportan bahan makanan dari negara lain. Kita tidak perlu mendapatkan bahan makanan dari negara lain lagi kerana tanah untuk pertanian di negara Malaysia juga amat sesuai untuk tanaman utama seperti beras, kopi, bijiran dan juga koko.

Jika keperluan ini dilihat mencukupi, maka Malaysia tidak perlu atau dapat mengurangkan jumlah bahan yang diimport dari negara luar. Dari segi matawang dan keuntungan pula, bidang pertanian amat penting kerana merupakan salah satu cara untuk menggalakkan pengaliran wang masuk ke dalam negara melalui pengeksportan hasil pertanian ke negara-negara luar.

Selain itu, sektor ini memberi peluang kepada penduduk setempat untuk bekerja di dalam bidang pertanian sekaligus menggalakkan pusingan wang di dalam negara. Pertanian juga memainkan peranan yang penting dalam pengeluaran bahan makanan, pengeluar bahan mentah, pendapatan eksport negara serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Sumber : <https://asasusahawanpertanian.blogspot.com/p/kepentingan.html>

Bahan 2



Sumber: [https://mobile.twitter.com/MyDSA\\_official/status/1206762022378934272](https://mobile.twitter.com/MyDSA_official/status/1206762022378934272)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022

BAHASA MELAYU

Kertas 2

2 jam 30 minit

1103/2

# SET 3

---

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian : **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**
2. Jawab semua soalan.
3. Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
5. Buku jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

[35 Markah]

1. *Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan dua kata nama am dan dua kata kerja. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Kerajaan juga memajukan sektor ekopelancongan yang kaya dengan khazanah alam semula jadi, contohnya Taman Negara dan Taman Negara Kinabalu yang telah diiktirafkan sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO. Malah, kerajaan juga menyediakan agropelancongan dalam acara-acara Pesta Buah-Buahan Tempatan dan Pesta Flora. Kerajaan juga memajukan industri pelancongan dalam bidang perubatan dan pendidikan. Dalam pendidikan pula, kerajaan menarik masuk pelajar-pelajar luar negara untuk menimba ilmu dengan pelbagai kursus bertaraf antarabangsa. Selaras dengan usaha kerajaan, Kempen Zoom Malaysia juga dilancarkan untuk penggunaan "Segala-galanya terdapat di Malaysia".

Dipetik dan diubah suai daripada  
Artikel Industri Pelancongan di Malaysia.  
Kementerian Pelancongan, Budaya dan Seni Malaysia,  
Julai 2016

[8 markah]

2. *Baca petikan di bawah, kemudian kenal pasti dan tulis subjek dan predikat yang lengkap bagi tiga ayat yang anda pilih seperti berikut.*

Subjek :

Predikat :

---



---

Rasuah ialah amalan terkutuk oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Amalan ini menjejaskan nama baik perasuah dan agensi yang diwakilinya. Sekalipun penerima rasuah pandai menyembunyikan perbuatannya, akhirnya ketahuan juga. Pelaku rasuah sukar terlepas daripada hukuman apabila dihadapkan ke muka pengadilan. Itulah harga yang terpaksa dibayar oleh orang yang bertindak mengikut nafsu dan menganggap perbuatannya tidak dapat dikesan oleh pihak berkuasa.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Rasuah Menggugat Pembangunan Negara  
Dewan Masyarakat, 5/2016

[6 Markah]

3. *Bahan di bawah ini mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Hui Ling: Nathan, cuba baca berita tentang kes kematian akibat penyakit Covid-19 di negara Indonesia.

Nathan: Aduh, malangnya banyak mangsa-mangsa penyakit Covid-19 yang terkorban.

Hui Ling: Warganegara-warganegara Malaysia patut bersyukur kerana penyakit tersebut dapat dikawal di negara kita di atas kerja sama semua pihak.

Nathan: Benar, kita perlu mematuhi Standard Operasi Prosedur (SOP) yang kerajaan tetapkan. Kita pun perlu sentiasa memakai penutup mulut dan mengekalkan jarak sosial di antara satu sama lain. Jangan sekali-kali lalai.

Hui Ling: Kita perlu mengamalkan norma baharu untuk menghadapi wabak yang telah mengubah corak hidup kita.

[11 markah]

4. *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka, orang Siam terlalu hairan melihat kelakuan Tun Umar itu. Telah hari malam, maka Awi Dicu pun datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumpu api-api itu sekaliannya disuruh tambati punding api. Telah dipandang oleh orang Siam api tiada terbilang banyaknya, maka kata hulubalang Siam, “Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada terlawan oleh kita.”

Dipetik daripada  
Burung Terbang Dipipiskan Lada  
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

5. *Dialog di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua** peribahasa sahaja, kemudian berikan **peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud** dengan peribahasa tersebut.*

Darina: Sedapnya kek ini. Pandai kamu membuatnya Wawa.

Wawa: Terima kasih, Darina. Biasa-biasa saja kek ini. Lagipun saya membuat kek ini sambil menemani ibu memasak di dapur, bak kata pepatah sambil menyelam, sambil minum air.

Cindy: Sebenarnya, kamu mewarisi kepakaran daripada ibu kamu, Wawa. Ibu kamu memang pakar dalam bidang masakan, bak kata pepatah ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.

Wawa: Mungkin juga tu. Eh, kita ni asyik berbual-bual saja! Marilah kita ke pusat sumber sekolah. Tentu Cikgu Zakiah sudah lama menunggu kita.

Darina: Bagus juga idea tu. Marilah kita bersama-sama membantu Cikgu Zakiah menghias pusat sumber sekolah, bak kata pepatah berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

[4 markah]

**BAHAGIAN B: PEMAHAMAN**  
**[35 Markah]**

6. Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**

Kewujudan telefon pintar yang lengkap dengan kemudahan multimedia pelbagai guna menyebabkan murid sangat teruja untuk memiliki alat komunikasi mudah alih yang canggih ini. Setelah memiliki peralata tersebut, mereka menjadi mudah leka dengan peranti masing-masing dan seterusnya membawa perubahan ketara terhadap tingkah laku mereka.

Murid yang menggunakan telefon pintar lebih mementingkan hiburan berbanding aspek-aspek lain, contohnya dalam *pencarian maklumat* dan ilmu pengetahuan. Hal yang demikian boleh membawa kesan negatif terhadap kehidupan seseorang murid. Penggunaan telefon pintar ini juga menyebabkan murid sering berkomunikasi dengan mencemarkan bahasa seperti penggunaan singkatan dan bahasa slanga dalam khidmat pesanan ringkas (SMS), WhatsApp dan Instagram.

Dipetik dan diubah suai daripada  
“Larangan Telefon Pintar untuk Pelajar Sekolah”,  
oleh Sa’adiah Shuib  
dalam Dewan Masyarakat, April 2017

**Bahan 2**

Kalau pada beberapa waktu yang lalu, selain untuk tujuan perhubungan, kegunaan utama telefon bimbit atau telefon pintar hanyalah untuk bersembang, bergosip atau bercinta melalui Facebook, WhatsApp atau WeChat, kini peranti yang canggih dan dilabel sebagai pintar (smart) ini sudah berada di fasa yang seterusnya, iaitu digunakan untuk meningkat taraf atau kedudukan penggunanya. Kini, semakin ramai pengguna telefon bimbit menggunakan peranti canggih sebesar separuh tapak tangan mereka itu ke arah yang lebih positif dan produktif. Jika dulu mereka banyak menggunakan data hanya untuk melayari Internet dan berinteraksi melalui WhatsApp sesama kelompok, kini telefon bimbit sudah dijadikan alat untuk meningkatkan ekonomi serta kemahiran diri.

Dalam kata lain, kepada mereka yang pintar, telefon pintar kini sudah menjadi alat untuk mencari dan menambah rezeki. Contohnya, pemandu Uber dan Grab hampir bergantung sepenuhnya kepada telefon pintar mereka untuk mencari pelanggan. Manakala, usahawan siber pula akan memanfaatkan sepenuhnya penggunaan Internet untuk mempromosikan produk atau perkhidmatan mereka melalui medium telefon bimbit yang kini seakan menjadi benda yang wajib dimiliki oleh setiap manusia bernyawa di negara ini.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Telefon pintar jadikan manusia lebih pintar  
oleh Ahmad Salim Bachok dalam *MyMetro*, 14 Julai 2017

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *pencarian maklumat*.

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan perbezaan kesan-kesan penggunaan telefon pintar.

[3 markah]

- (iii) Penggunaan telefon pintar sangat penting dalam kehidupan manusia, tetapi alat yang serba canggih ini telah banyak disalahgunakan terutamanya murid-murid hari ini.

Pada pendapat anda, mengapakah murid-murid sekarang berhasrat memiliki telefon pintar?

[4 markah]

- (iv) Belakangan ini, adik anda mudah leka dengan peranti elektronik dan seterusnya membawa perubahan ketara terhadap tingkah lakunya seperti bersikap tidak sabar dan biadap.

Sebagai abang yang prihatin, bagaimanakah anda dapat membantu adik anda yang kelekaan?

[4 markah]

7. Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

<b>Bahan 1</b>
----------------

Tau meluahkan kerisauannya terhadap hutan yang sedang diteroka tanpa batasan. Dia risaukan masa depan kampung halamannya. Dia bercakap dengan abangnya Ludin mengenai perkara ini. Ludin turut melahirkan rasa simpatinya terhadap Tau yang melalui banyak keperitan dan masih berusaha menjaga hutan ini. Tau juga memulaukan dirinya daripada *orang awam*. Tau dengan bangganya bercakap tentang Itai yang telah berguru dengannya. Itai telah menjadi seorang yang telah mempelajari segala ilmu perhutanan yang diwariskan kepada Tau.

Dipetik daripada novel *Kembara Amira*,  
karya Rozlan Mohamed Nor,  
Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd



<b>Bahan 2</b>
----------------

### Kuingin Berterima Kasih

Sesekali kuingin berterima kasih  
kepadamu hujan bagi tamu  
jiwa pun menjadi angin  
api amarah menjadi terpadam.

Sesekali kuingin menyemai budi  
kepadamu tanah yang hidup  
kerana perutmu setia menghamilkan  
rezeki buat petani.

Sesekali kuingin berbisik kepadamu  
ikan-ikan yang riang  
liar di belantara samudera  
kerana sudi membebaskan cerita  
nelayan tua di pondoknya.

Sesekali kuingin kalungkan kagum  
kepadamu pejuang negara  
kerana tanganmu pernah berdarah  
darah kesetiaan seorang warga  
kepada watan tercintanya

Sesekali kuingin pula menjadi bunga  
menebarkan keharuman  
di taman-taman keresahan hidup  
menyerahkan keinsafan  
kepada keangkuhan perang.

Alangkah indahnyanya dunia  
andai semua merenung  
kekosongan hidup ini.

Dipetik dari antologi *Kuingin Berterima Kasih*,  
halaman 12

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, apakah kerisauan yang diluahkan oleh Tau kepada abangnya Ludin?

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kelebihan-kelebihan menjaga hutan?

[4 markah]

- (iii) Alam sekitar sangat penting kepada kehidupan manusia.

Pada pendapat anda, apakah cara-cara menjaga alam sekitar?

[3 markah]

- (iv) Pada suatu hari, ketika anda berkhemah di dalam hutan, anda ternampak banyak sampah sekali gus mencemarkan hutan tersebut. Setelah anda siasat, didapati sekumpulan remaja membuang sampah merata-rata.

Sebagai remaja yang prihatin, apakah tindakan-tindakan yang perlu anda lakukan bagi mencegah pembuangan sampah tersebut agar hutan menjadi bersih dan kembali nyaman?

[4 markah]

8. *Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Kini datuk bercerita tentang cara-cara menyembuhkan penyakit secara tradisional. Memang dalam soal ini datuk boleh disebut pakar, macam doktor. Dia jenis manusia yang bijak memanfaatkan bahan sedia ada atau bahan percuma menjadi bahan kegunaan untuk kesihatan dan kecantikan. Misalnya, hampas kopi dijadikannya losen tangan. Hampas teh untuk menyegarkan mata, ubi kayu bagi menghilangkan buasir. Lobak pula bagi melancarkan air kencing dan mengurangkan sakit kepala. Biji mangga dijadikan tepung untuk masakan. Kulit mangga yang dikeringkan untuk membantu melancarkan pengaliran darah ketika datang haid.

Sebab, datuk minum kopi dan nenek minum teh, mereka menanam ubi kayu, lobak, dan mangga. Aku percaya, pasti banyak lagi petua yang belum aku dengar dan yang belum datuk beritahu, sebab ada banyak tanaman lain di belakang dan di halaman rumah datuk serta di kebun buah-buahannya.

Dipetik daripada novel *Jendela menghadap Jalan*,  
Karya Ruhaini Matdarin  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan cara-cara penjagaan kesihatan secara tradisional yang diamalkan oleh datuk dengan memanfaatkan bahan sedia ada atau bahan percuma di rumahnya.

[4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*
- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib.
  - b) Di sebalik Dinara, karya Dayang Nor.
  - c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin.
  - d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin.
  - e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip.
  - f) Tirani karya Beb Sabariah.
  - g) Silir Daksina, karya Nizar Parman.
  - h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Elemen kasih sayang sering kali menjadi elemen yang menonjol dalam sesebuah novel.

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, kemukakan **satu** peristiwa yang memperlihatkan elemen kasih sayang.

[6 markah]

**BAHAGIAN C : RUMUSAN**

[30 markah]

9. Baca petikan dan teliti bahan grafik yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

**Bahan 1**

Kebersihan amat penting bagi menjamin keceriaan hidup seseorang individu. Kesihatan merujuk keadaan tubuh yang tidak mengalami sebarang masalah. Terdapat pelbagai langkah yang boleh diamalkan untuk memiliki tahap kesihatan yang baik. Langkah pertama ialah kesedaran bahawa tubuh sangat memerlukan penjagaan. Perkara yang kedua cara adalah dengan mendapatkan maklumat tentang kepentingan penjagaan kesihatan.

Sukar untuk kita menjaga tubuh jika tidak tahu apa-apa mengenainya. Ibaratnya, kita hendak melawan musuh tetapi tidak memahami sebab dan cara untuk bertindak. Antara kaedah yang dapat diambil termasuklah pemeriksaan kesihatan berkala sekurang-kurangnya tiga kali setahun. Pemeriksaan begini mampu mengesan penyakit ketika masih pada peringkat awal seperti cogan kata 'mencegah lebih baik daripada merawat'. Oleh itu, sebelum apa-apa yang tidak diinginkan berlaku, lebih baik jika kita melakukan tindakan awal pencegahan. Selain itu, aspek pemakanan juga amat penting bagi menjamin kesihatan yang baik. Kita haruslah mengamalkan pemakanan yang seimbang dan berkhasiat dalam kehidupan. Pengambilan makanan mengikut piramid makanan sangat disarankan oleh pakar kesihatan bagi menjamin tahap kesihatan yang baik berterusan. Diet yang seimbang dapat memastikan tubuh seseorang memiliki zat yang diperlukan.

Di samping itu, kita perlu melakukan senaman dua atau tiga kali seminggu agar tubuh dapat berfungsi dengan baik. Amalan minum air kosong juga perlu dititikberatkan bagi menggantikan cecair yang telah hilang di dalam badan. Tekanan juga dapat dihilangkan menerusi senaman. Oleh itu, untuk memperoleh kesihatan yang baik, rakyat Malaysia hendaklah mengamalkan senaman yang konsisten. Rehat dan tidur yang secukupnya juga merupakan ubat mujarab untuk mengekalkan kesihatan. Kita digalakkan tidur tidak kurang dari lapan jam sehari. Individu yang tidak mempunyai rehat yang cukup berasa letih dan mudah jatuh sakit, malah tidak dapat menumpukan perhatian terhadap aktiviti yang dilakukan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Nilai Kesihatan' oleh Nur Amira Talib,  
*Dewan Siswa, November 2016*)

Bahan 2

**CEGAH JANGKITAN COVID-19**

**DUDUK DI RUMAH**

**KERAP MEMBASUH TANGAN**

**AMALKAN JARAK SOSIAL 1 METER**

RTM *Radio Televisyen Malaysia* | myKlik

RTM-Radio Televisyen Malaysia | rtm\_malaysia

Radio Televisyen Malaysia | www.rtm.gov.my

RTM\_malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

2 jam 30 minit

**1103/2**

## **SET 4**

---

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian : **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C**
2. Jawab semua soalan.
3. Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
5. Buku jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

[35 Markah]

1. *Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan senaraikan dua kata ganda dan dua kata tugas. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Laporan Dana Populasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNFPA) baru-baru ini menunjukkan golongan miskin bandar di Malaysia terjejas teruk akibat pandemik Covid-19. Oleh itu, kerajaan diharapkan dapat meningkatkan nilai bantuan sekurang-kurangnya dua kali ganda daripada pakej rangsangan, iaitu sebanyak RM45 bilion yang telah diumumkan oleh kerajaan sebelum ini. Di samping itu, pihak-pihak yang berkenaan diminta prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh golongan ini demikelangsungan hidup.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Bantu Segera Penduduk Miskin Bandar  
*Utusan Malaysia*, 3 September 2020

[8 markah]

2. *Baca petikan dengan teliti, kemudian berdasarkan dialog di bawah, pilih enam ayat dan tukar kepada cakap pindah.*

Safawi : Siapakah yang memakai baju berwarna merah itu?

Brendan : Oh, itu Aidil, pelajar baharu di sekolah ini!

Safawi : Saya rasa hendak mengajaknya menyertai Kelab Pencegahan Jenayah.

Brendan : Eloklah. Lagi pun dia masih baru di sini, tentu memerlukan rakan.

Safawi : Saya akan berjumpanya selepas latihan di padang petang ini.

[6 markah]

3. *Bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Kempen kesedaran tentang subjek Sains dan Matematik di dalam kalangan masyarakat mestilah diperhebatkan. Kempen ini dilihat sebagai langkah pro-aktif untuk menyedarkan lebih banyak pihak kerana memahami kepentingan isu ini kepada negara. Dalam sektor kerjaya pula, pihak industry disarankan menjadi rakan kongsi ilmu ini dengan institusi pendidikan. Percambahan idea pemintegrasian subjek Sains dan Matematik melalui penganjuran pelbagai-bagai peraduan merupakan di antara usaha Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memperkasa kedua subjek ini.

[11 markah]

4. *Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Syahadan, maka berkenan Sultan Muzaffar Syah mendengar kata Tun Perak itu. Pada hati baginda, “Adapun Tun Perak ini tidaklah patut jadi bentara lagi, patut menjadi Perdana Menteri.”

Maka digelar baginda Paduka Raja, disuruh duduk di seri balai setara Seri Nara Diraja di seri balai, maka Seri Nara Diraja berkisar ke tengah.

Dipetik daripada  
Burung Terbang Dipipiskan Lada  
dalam antalogi *Sejadah Rindu*  
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

5. *Dialog di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua peribahasa** dan berikan maksud peribahasa tersebut.*

Luqman: Bernas sungguh buah fikiran dan cadangan awak berdua. Nampaknya kita telah membuat satu keputusan untuk menternak anab. Mari kita siapkan kertas cadangan itu sekarang. Harap-harap ada rezeki, dan cikgu masih terima kertas cadangan kita. Untung sabut timbul, untung batu tenggelam.

[4 markah]



**BAHAGIAN B: PEMAHAMAN**

[35 Markah]

6. Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan- soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**

Teleskop ialah teropong yang digunakan untuk melihat objek yang jauh. Alat ini merupakan inovasi yang dicipta hasil kecanggihan teknologi manusia. Kubah Utama di Balai Cerap Telok Kemang menempatkan teleskop terbesar di Malaysia. Ukuran diameter lensa teleskop tersebut ialah 24 inci dan teleskop ini diimport dari Amerika Syarikat. Teknologi moden yang digunakan membolehkan pelbagai objek langit diperhatikan.

Kawasan Kubah Utama berdiameter 6.7 meter dan dapat menampung seramai 25 orang pada satu-satu masa. Di Kubah Matahari pula ditempatkan teleskop khas untuk melihat dan *merakam imej* matahari seperti bintang matahari.

Dipetik dan diubahsuai daripada  
Balai Cerap Telok Kemang, Port Dickson,  
Negeri Sembilan.

**Bahan 2**

Kamera digital adalah sebuah peranti elektronik yang digunakan untuk memvisualisasikan keadaan sekitar menggunakan sebuah sensor dalam bentuk format digital dan disimpan dalam media penyimpanan digital (memori). Kamera merupakan alat untuk membuat gambar daripada objek untuk selanjutnya dibiarkan melalui lensa pada sensor CCD dan akhir-akhir ini pada sensor BSI-CMOS (Back Side Illuminated) sensor yang lebih irit daya untuk kamera yang lebih canggih. Hasilnya kemudian dirakam dalam format digital ke dalam media simpan digital.

Kemudahan daripada kamera digital adalah gambar dihasilkan dengan lebih cepat dan mudah dipindahkan kepada peranti lain. Beberapa kamera digital, terutama DSLR dan *high-end cameras* dilengkapi kemudahan RAW yang dapat dihubungkan dengan komputer menggunakan peranti tertentu untuk hasil terbaik. Pada saat ini kemudahan capaian automatik telah menghasilkan gambar yang baik dalam format JPEG. Peranti ini merupakan inovasi yang dicipta hasil kecanggihan teknologi manusia.

Sumber: Internet

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *merakam imej*.  
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **perbezaan** ciri-ciri teleskop dan kamera digital?  
[3 markah]

- (iii) Teleskop dan kamera digital adalah antara peranti elektronik yang dicipta untuk kemudahan manusia.

Pada pendapat anda, apakah kebaikan yang diperoleh melalui penciptaan peranti elektronik dalam kehidupan manusia?

[3 markah]

- (iv) Rakan baik anda mahir dalam penggunaan peranti elektronik, namun menyalahgunakannya untuk perkara yang tidak bermoral seperti menyebarkan berita tidak sah, mengedit gambar pornografi dan menceroboh laman sosial orang lain.

Selaku rakan yang prihatin, apakah peranan yang dapat anda lakukan untuk memberi kesedaran kepada rakan baik anda agar tidak berbuat demikian lagi?

[4 markah]

7. Baca **bahan-bahan** di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

<b>Bahan 1</b>
----------------

“Bebaskan Tanah Melayu!” Itulah kata-kata penutup pidato Ahmad Mutawakkil pada malam itu. Kami juga diingatkan untuk terus berjuang mendesak Inggeris berundur, sesuai dengan perjanjian pada 1 Februari 1948.

“Persekutuan Tanah Melayu mesti jadi kenyataan” katanya dengan penuh semangat. Kami juga diberitahu oleh Ahmad Mutawakkil, dua tahun dan sekarang, yakni tahun 1955, satu pilihan raya di peringkat Kuala Lumpur akan diadakan.

“Jadi, kita perlu bekerja dengan lebih kuat, bahang kemerdekaan semakin dekat.” Walaupun pidato pada malam itu sangat menarik dan semua mata terpaku kepada Ahmad Mutawakkil, setiap mata kami yang hadir tetap liar menyelinap, mencari-cari di mana duduknya Sandra, anak gadis Tuan Booth.

Dipetik daripada  
cerpen Cinta Ahmad Mutawakkil  
oleh Zainal Rashid Ahmad  
antologi *Sejarah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

<b>Bahan 2</b>
----------------

## Gelanggang

Ini gelanggang kita  
yang diwariskan oleh pendekar-pendekar datuk moyang lebih  
lima dekad yang lalu  
satu persepakatan kaum untuk diturunkan kepada anak cucu  
di kemudian hari.

Hari ini kitalah pewaris gelanggang yang terbina dari keringat  
dan air mata  
dengan gelanggang inilah negara aman makmur rakyat  
berpadu  
kita pelihara gelanggang ini dengan kejaap sepenuh hati  
kita mempertahankan kedaulatan watan dari anasir jahat  
kerana telah terbukti dapat menyatupadukan pelbagai  
keturunan.

Para pendekar kita harus berani berjuang *menangkis tohmahan*  
demi mempertahankan maruah gelanggang keramat suci ini  
suara-suara momokan sumbang memperlekehkan menyentuh  
hati nurani  
kita sanggah nyah tanpa kompromi dari menggugah  
gelanggang  
jangan sekali bermain api kelak membinasakan diri sendiri.

Marilah para pahlawan setia kita kukuhkan ukhuwah  
elakkan pertelingkahan sesama sendiri.

Kitalah pewaris abadi yang menjunjung amanah ini  
agar kecemerlangan tercerna di persada arena  
terus memacu kejayaan demi maruah harga jati diri  
membina sebuah negara bangsa yang harmoni dan dihormati  
kita junjung dan taat hingga ke akhir hayat.

Dipetik daripada  
Puisi moden Gelanggang  
oleh Onn Malini antologi *Jaket Kulit Kijang*, hlm.21,  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Dalam **Bahan 1**, terdapat beberapa watak yang terlibat. Nyatakan watak-watak tersebut. [4 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1 dan Bahan 2**, buktikan perjuangan pemimpin dan rakyat untuk mengekalkan kedaulatan negara. [3 markah]
- (iii) Semangat patriotik dalam kalangan rakyat amat penting dalam pembangunan sesebuah negara. Pada pendapat anda, mengapakah nilai ini perlu ditanam kepada rakyat dan pemimpin di negara kita? [4 markah]
- (iv) Remaja merupakan bakal pewaris negara pada masa akan datang. Namun begitu, remaja hari ini bukan sahaja tidak mengisi kemerdekaan, bahkan mereka terlibat dalam pelbagai gejala negatif.
- Anda sebagai remaja pada hari ini, apakah persediaan yang perlu anda lakukan untuk mengisi kemerdekaan di negara kita? [4 markah]

8. *Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Embong menuju ke tingkap dan memanjangkan leher. Benar, yang ditunggu sudah tiba. keriangannya memercup di jiwa.

“Cepat naik ke bot! Ha, naikkan nenek dulu?” teriak Embong. Segalanya dilakukan dengan pantas!

Dua pusat pemindahan disediakan, iaitu di balai raya dan di surau. Penduduk kawasan depan ditempatkan di balai raya manakala penduduk sebelah dalam ditempatkan di surau. Balai raya cuma 50 x 20 meter, bukanlah besar sangat untuk menampung penduduk hampir 150 orang. Untuk pertama kalinya, mereka menghadapi hari-hari tanpa bekalan elektrik, tanpa peti televisyen, tiada tilam yang empuk, dan makanan bersaji. Ramai yang merungut tetapi ada yang berserah terhadap ketentuan Tuhan.

“Kalau tahu macam ini, baik aku ke rumah anak aku di Kuala Lumpur,”sela seorang penduduk.

“Tak pernah macam ini. Huh, ikutkan hati sekarang juga aku mahu berpindah.

“Kenapalah aku sewakan rumah aku di pekan.

“Kalau aku tinggal di sana, taklah hidup macam ini. Tahun 1972 dulu pun kampung ini dilanda banjir meskipun tak sedahsyat ini. Kenapalah aku tak belajar daripada sejarah?”

Dipetik daripada  
 novel *Jendela Menghadap Jalan*  
 karya Ruhaini Matdarin,  
 Kementerian Pendidikan Malaysia

Banjir memberi kesan kepada penduduk setempat. Nyatakan suasana di pusat pemindahan banjir  
 [4 markah]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :*

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib.
- b) Di sebalik Dinara, karya Dayang Nor.
- c) *Jendela Menghadap Jalan*, karya Ruhaini Matdarin.
- d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin.
- e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip.
- f) Tirani karya Beb Sabariah.
- g) Silir Daksina, karya Nizar Parman.
- h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang menunjukkan kepincangan dalam masyarakat untuk dijadikan panduan kepada pembaca.

[6 markah]

## BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

9. Baca dan teliti **setiap bahan** yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

<b>Bahan 1</b>
----------------

Jiran ialah orang yang tinggal berhampiran dengan rumah kita sama ada di kanan, di kiri, di depan atau di belakang, di tingkat atas atau di tingkat bawah hingga 40 buah rumah dari setiap penjuru sesebuah kawasan kediaman termasuklah di taman perumahan, kampung, dan pangsapuri. Orang tua-tua pernah berkata, jiran tetangga yang baik umpama adik-beradik yang dapat bekerjasama dalam kalangan masyarakat serta membentuk ukhawah yang kukuh dan ampuh.

Jiran yang baik juga dapat membentuk semangat kekitaan bagi melahirkan semangat bersatu padu serta membolehkan semua anggota masyarakat memahami antara satu sama lain sehingga teretusnya slogan “Jiran Sepakat Membawa Sepakat”. Keadaan ini bukanlah sesuatu yang asing kerana jiran ialah orang yang paling hampir dengan kita dan menjadi orang yang pertama datang untuk menghulurkan bantuan sebelum ketibaan adik-beradik dan saudara-mara kerana jarang-jarang kedapatan adik-beradik duduk berjiran terutamanya di bandar.

Namun begitu, kini keakraban terhakis dek perubahan dalam kehidupan masyarakat akibat tuntutan hidup yang semakin mencabar dari semasa ke semasa. Kesibukan bekerja memaksa masyarakat keluar pada awal-awal pagi dan balik pada lewat malam menyebabkan mereka tidak mempunyai masa untuk diluangkan bersama-sama jiran. Jurang status sosioekonomi masyarakat juga menjadi penghalang untuk mengeratkan semangat kejiranan apabila ada dalam kalangan mereka yang terlalu bersifat merendah diri dan berasa tidak selesa untuk bergaul dengan jiran yang berpangkat besar. Sebaliknya, memang ada golongan berstatus yang tidak mahu bergaul dengan golongan yang berpangkat rendah kerana menganggapnya tidak layak bergaul dengan mereka disebabkan latar belakang sosioekonomi yang berbeza.

Kemerosotan nilai kejiranan juga berlaku kerana sikap mengutamakan perkauman. Sikap saling tidak mengenali antara jiran yang berlainan kaum dan agama selalu wujud malah sesama bangsa dan agama juga berlaku sikap tidak mempedulikan antara satu sama lain kerana masing-masing sibuk dengan hal sendiri. Keadaan akan menjadi semakin teruk apabila ditambah dengan sikap dengki atau benci-membenci dalam kalangan penduduk setempat. Selain itu, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi menjadikan masyarakat semakin kurang berkomunikasi secara langsung. Dengan pelbagai gajet dan aplikasi yang terkini, masyarakat lebih taasub untuk berkomunikasi secara dalam talian. Tambahan pula, struktur reka bentuk perumahan moden yang menghalang dengan pagar, tembok, dan pengawal keselamatan menambahkan sikap individualistik yang sememangnya sudah tersemam dalam diri.

Dipetik dan diubahsuai daripada  
Rencana Kemerosotan Nilai Kejiranan  
oleh Samat Buang,  
*Dewan Siswa, Mac 2017*

Bahan 2

AMALAN HIDUP BERJIRAN



Sumber: Internet

Bahan 3



Sumber: Internet

# SKEMA JAWAPAN SET 1 (Kertas 2)

## BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[ 35 Markah ]

### Soalan 1 – Morfologi

1. Kata majmuk - kerjasama, hak cipta, tanggungjawab
2. Kata tunggal – negara, sejarah, institusi, penting, pihak, arus, masa, bahan, maklumat, fakta, cara, konsep

[8 markah]

### Soalan 2 - Sintaksis

1. Apakah program inisiatif pendidikan kewangan yang diwujudkan oleh JA Worldwide?
2. Berapakah umur murid yang diajar kemahiran kewangan asas?
3. Bilakah murid akan diajar cara menguruskan wang?
4. Apakah tujuan permainan komuniti diadakan?
5. Siapakah John Addis?
6. Di manakah majlis pelancaran program tersebut diadakan?

[6 markah]

### Soalan 3 - Penyuntingan

#### Bahan 1

##### SALAH

1. kelajuan
2. masa kini
3. olah raga
4. tennis
5. squash
6. dari

##### BETUL

- ketangkasan
- masa ini
- olahraga
- tenis
- skuasy
- daripada

#### Bahan 2

##### SALAH

1. banyak faedah-faedah
2. dalam
3. cerdas
4. supaya
5. pusat membeli-belah

##### BETUL

- faedah
- dari
- cergas
- kerana
- pusat beli-belah

[11 markah]



#### Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard

Setelah ibunya mendengar kata anaknya sedemikian, ibunya menangis sambil berkata,” Hai anakku, bapamu itu sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.”

Setelah Kertala Sari mendengar kata ibunya sedemikian, Kertala Sari terlalu marah, katanya,”Siapakah yang menyuruh membunuh bapaku itu supaya negeri Majapahit ini habis kubinasakan?

[4 markah]

#### Soalan 5 - Peribahasa

- (i) bagai enau di dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing
- (ii) bapa borek anak rintik/ ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi/ bagaimana acuan begitulah kuihnya
- (iii) menanggung di air keruh/ menahan lukah di pergentingan

[4 markah]

### BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

[35 Markah ]

#### Soalan 6 – Petikan umum

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *kawasan rekreasi*.

Kawasan rekreasi = tempat riadah

[2 markah]

- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan perbezaan kedua-dua tempat pelancongan tersebut.
  - Lata Kinjang terletak di pertengahan jalan di antara Tapah dengan Cameron Highlands manakala Air Terjun Sungai Chiling terletak di tengah-tengah hutan simpan negeri Selangor iaitu di Kuala Kubu Bharu, Selangor.
  - Lata Kinjang/ air terjun ini mempunyai kolam-kolam takungan di setiap hujung barisnya, menyediakan satu tempat mandi yang sesuai untuk seisi keluarga manakala Air Terjun Sungai Chiling mempunyai tiga tingkat.

[3 markah]

- (iii) Cara-cara untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara ini ialah :

- mengadakan promosi di laman sesawang
- pengusaha resort/hotel menyediakan tempat yang selesa kepada pelancong yang datang
- pemandu pelancong memperkenalkan makanan tempatan / tradisional
- mengadakan pertunjukan budaya tradisional tempatan
- peniaga menjual cenderamata dengan harga yang berpatutan

[3 markah]

- (iv) Persediaan awal yang perlu dilakukan oleh rakan anda sebelum pergi melancong ialah :
- pakaian yang bersesuaian
  - membawa visa dan pasport
  - membuat pemeriksaan kesihatan
  - membuat penyelidikan destinasi yang dituju seperti geografi, bahasa, makanan dan budaya
- [4 markah]

### Soalan 7

- (i) Reaksi saya
- buntu dan malu
- [ 2 markah]
- (ii) Keadaan anak muda dalam **bahan 1**:
- mereka dihanyutkan keseronokan hidup dengan memperdagangkan maruah dan peribadi,
  - anak muda peribumi tanah air ini tidak segan silu menjual bahasa ibunda dan merosakkan agama yang murni.
  - anak-anak muda lelaki dan perempuan berpelesiran dalam pergaulan bebas sambil bercakap dalam bahasa yang entah apa-apa.
  - hilang identiti dan jati diri di negara mewah ini.

Keadaan anak muda dalam **bahan 2** :

- berpegangan tangan tanpa silu
- berpakaian sendat tanpa malu
- harga diri sirna
- hanyut dibuai nafsu muda
- lemas dek arus modenisasi

[3 markah]

- (iii) Kepentingan menggunakan bahasa yang betul ketika berkomunikasi;

- dapat mengelakkan salah faham
- dapat menjamin kedaulatan bahasa tersebut
- lambang ketinggian peribadi seseorang
- dapat memastikan komunikasi berkesan

[3 markah]

- (iv) Cara saya mengatasi masalah rakan yang menggunakan bahasa Melayu yang tidak betul dalam media sosial, bahasa Melayu yang bercampur aduk dengan bahasa asing dan gemar mencipta ejaan baharu yang sukar dibaca:

- menjadi suri teladan kepada rakan dengan menggunakan bahasa Melayu yang betul
- menasihati rakan agar mendaulatkan bahasa Melayu
- menghadiahkan buku-buku tentang kepentingan berbahasa dengan betul
- membawa rakan kepada pihak kaunselor untuk dirujuk

[4 markah]

### Soalan 8

- i) Nyatakan ciri-ciri kehidupan yang dirasai pada zaman kanak-kanak.
- Menjadikannya sungai sebagai pesta untuk mencari juara peredah arus
  - Berloncatan atau berjam – jam berendam
  - Melompat dari jambatan dengan begitu bebas
  - Sering berlarian menarik benang layang - layang

[4 markah]

- ii) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa nilai bertanggungjawab yang ditunjukkan oleh **watak** melalui novel tersebut.

### Novel Jendela Menghadap Jalan

- i) Nilai tanggungjawab dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

- Contohnya, Datuk Lili, sebagai pengamal perubatan tradisional bertanggungjawab dalam membantu pesakit yang datang berubat dengannya berasaskan akar-akar kayu dan daun-daun herba.
- Melalui perwatakan Datuk Lili iaitu Haji Abdul Rahman, jelaslah nilai tanggungjawab yang ditunjukkan untuk menolong mengubati penduduk kampung yang masih memerlukan khidmat perubatannya dan mempercayai perubatan tradisional.

- ii) Nilai tanggungjawab membantu orang yang dalam kesusahan.

Contohnya, Lili bertanggungjawab dalam membantu menyelesaikan masalah Che Jah yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga dengan berusaha membantunya berjumpa dengan Kak Mimah, selaku penolong pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat.

- Watak Lili telah menunjukkan nilai tanggungjawab seorang remaja membantu sebuah keluarga yang menghadapi masalah sehingga berjaya diselesaikan.

### Novel Songket Berbenang Emas

- i) Nilai tanggungjawab mencari wang bagi memastikan nasib isteri dan anak-anaknya terbela.

Contohnya, Embong telah membanting tulang dengan melakukan pelbagai pekerjaan seperti bekerja di estet, mengambil upah memotong buah kelapa sawit di kebun orang dan membela kambing demi mencari sesuap nasi buat keluarganya.

- Watak Embong telah menunjukkan nilai tanggungjawab ketua keluarga terhadap isteri dan anak-anak agar keluarganya boleh hidup bahagia.

- ii) Nilai tanggungjawab dalam melaksanakan tugas ketua kampung terhadap penduduk kampung.

Contohnya, Haji Sulaiman telah menghantar isteri Embong, Saleha ke Hospital Batu Pahat untuk mendapatkan rawatan untuk mengatasi masalah mental yang dihadapinya.

- Watak Haji Sulaiman telah menunjukkan nilai tanggungjawab seorang ketua masyarakat dalam memastikan kebajikan dan keselamatan penduduk kampungnya.

[6 markah]

**BAHAGIAN C: RUMUSAN**  
[30 Markah]

**Pendahuluan - 2 fokus**

Rumusan membincangkan faedah-faedah semangat kejiranan dan aktiviti kejiranan alaf baharu.

**Bahan 1 – Fokus 1 ( faedah-faedah hidup berjiran)**

1. Menjana kehidupan setempat yang aman dan harmoni
2. Jiran merupakan orang yang paling mudah memberikan pertolongan pada saat kita ditimpa bencana
3. Jiran yang berbeza latar belakang memiliki pengetahuan dan kemahiran yang boleh kita kongsi bersama-sama.
4. Jiran yang sepakat dan bersatu padu mampu menjamin keselamatan setempat
5. Segala perkara yang mencemarkan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat dapat dicegah dengan semangat kerjasama dan keperihatinan seama jiran
6. Gejala sosial dan kes-kes jenayah dapat dibendung.
7. Dapat menjana program yang menyumbang kebajikan kepada masyarakat setempat.

**Bahan 2 – Fokus 2 (aktiviti kejiranan alaf baharu)**

1. Mengadakan aktiviti kelas bimbingan tambahan
2. Mengadakan aktiviti jualan amal
3. Mengadakan aktiviti sambutan perayaan
4. Mengadakan aktiviti beriadah
5. Mengadakan aktiviti kebun milik bersama
6. Amalan ziarah-menziarahi perlu sentiasa diamalkan
7. masyarakat amalan bertukar-tukar juadah

**Kesimpulan**

Kesimpulannya, hidup berjiran perlu dititikberatkan oleh masyarakat agar kemakmuran dan kesejahteraan negara dapat dipertahankan.

# SKEMA JAWAPAN SET 2 (Kertas 2)

## BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 Markah]

### Soalan 1 : Morfologi

Senaraikan 4 kata hubung:

1. lalu
2. atau
3. tetapi
4. Kerana

Contoh ayat:

1. Dia membuka almari lalu mengambil bajunya.
2. Rohaya masih keliru sama ada untuk memilih biru atau merah sebagai warna tema perkahwinannya nanti.
3. Kakak mahu mengikut kami ke kedai tetapi dia perlu menyiapkan kerja rumah dahulu.
4. Amran tidak hadir ke sekolah kerana keracunan makanan.

[8 markah]

### Soalan 2: Sintaksis

Tukar ayat majmuk kepada ayat tunggal:

- i. Sisa elektronik ialah komponen elektronik yang telah usang atau tidak diperlukan oleh penggunaannya.
  - i. Sisa elektronik ialah komponen elektronik yang telah usang.
  - ii. Sisa elektronik tidak diperlukan oleh penggunaannya.
- ii. Bahan kimia ini mengancam kesihatan manusia dalam jangka masa pendek dan panjang.
  - i. Bahan kimia ini mengancam kesihatan manusia dalam jangka masa pendek.
  - ii. Bahan kimia ini mengancam kesihatan manusia dalam jangka masa panjang.
- iii. Sisa ini dikategorikan sebagai bahan buangan terjadual kerana mempunyai ciri-ciri kebolehnyaalaan, menghakis, bertindak balas, dan bertoksik.
  - i. Sisa ini dikategorikan sebagai bahan buangan terjadual.
  - ii. Sisa ini mempunyai ciri-ciri kebolehnyaalaan, menghakis bertindak balas dan bertoksid.

[6 markah]

**Soalan 3: Penyuntingan****Bahan 1**

	<b>SALAH</b>	<b>BETUL</b>
1.	bila	- apabila
2.	dari	- daripada
3.	menyerukan	- menyeru
4.	daripada	- dari
5.	didalam	- dalam
6.	lain-lain bidang	- bidang-bidang lain

**Bahan 2**

	<b>SALAH</b>	<b>BETUL</b>
1.	di	- dalam
2.	gulungan	- golongan
3.	di kalangan remaja	- dalam kalangan remaja
4.	berbagai	- pelbagai /berbagai-bagai
5.	dari	- daripada

[11 *markah*]**Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard**

Orang Siam telah balik ke benua Siam, Awi Dicu masuk menghadap Paduka Bubunnya. Paduka Bubunnya sangat marah dan bercadang untuk pergi menyerang Melaka. Seorang anak Paduka Bubunnya yang bernama Cau Pandan menyatakan hasratnya untuk menyerang Melaka kepada Paduka Bubunnya dan dia bersembah, “Duli Pra Cau, lengkapi patik, patik akan mengalahkan Melaka.”

[6 *markah*]**Soalan 5: Peribahasa**

DUA peribahasa yang sesuai mengikut situasi yang diberi.

1. Bersatu teguh, bercerai roboh.
2. Kalah jadi abu, menang jadi arang.

[4 *markah*]

**BAHAGIAN B: PEMAHAMAN**

[35 Markah]

**Soalan 6 Petikan Umum**

- i. merosakkan ketenteraman  
merosakkan keharmonian [2 markah]
- ii. Cara mempertahankan keamanan dan keharmonian negara.

**Bahan 1**

Semua pihak menolak sebarang bentuk ekstremisme yang boleh menjejaskan keharmonian antara kaum dan agama.

**Bahan 2**

- dilengkapi dan dilandasi usaha integrasi berterusan.
- kesepaduan sosial yang wujud sekian lama dalam masyarakat di negara ini. [3 markah]

iii mereka bekerjasama antara satu sama lain untuk mencapai kemenangan

- mereka mengenali rakan sepasukan dan menjadi akrab/rapat
- menghormati rakan-rakan berlainan bangsa
- menyemai semangat patriotisme dalam kalangan pemain dan penyokong [3 markah]

iv melantik ketua kumpulan

- setiap ahli kumpulan bekerjasama dan terlibat secara aktif dalam mencari pembayang dan maksud pantun yang bertemakan perpaduan kaum.
- setiap ahli kumpulan menghormati pendapat rakan-rakan
- setiap ahli kumpulan bersatu dalam membuat keputusan [4 markah]

**Soalan 7 Petikan Sastera**

- (i) berkebun dan menternak/perternakan [2 markah]
- (ii) usaha-usaha yang dilakukan oleh para petani untuk meningkatkan taraf hidup mereka ialah:

**Bahan 1**

- mempraktikkan amalan pertanian moden iaitu menternak ayam secara kontrak dengan sebuah syarikat besar.

**Bahan 2**

- menanam pokok jati
- menanam padi menggunakan teknologi moden [3 markah]

- (iii) Kepentingan sektor pertanian di negara kita ialah
- meningkatkan pendapatan eksport serta menyumbang kepada pendapatan negara
  - menghasilkan dan membekalkan bekalan makanan tempatan secara domestik dan tidak bergantung kepada industri import.
  - mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan terutama golongan luar bandar.
  - membantu memanfaatkan sumber yang dimiliki oleh negara dengan memberikan hasil yang bernilai.
  - memelihara alam sekitar daripada menjadi mangsa pembangunan dan perindustrian.

[4 markah]

- (iv) Sebagai anak muda yang sukakan cabaran, saya akan
- mengikuti Latihan Usahawan Tani anjuran Jabatan Pertanian.
  - membuat pilihan untuk melibatkan diri dalam menanam pokok hiasan, sayuran, padi atau penternakan.
  - mendapatkan Geran Agropreneur Muda
  - mendapatkan bantuan pembiayaan Agrobank / TEKUN Nasional
  - mendapatkan khidmat nasihat Jabatan Pertanian, MARDI, MADA, RISDA, FAMA
  - mencari pasaran

[4 markah]

### Soalan 8 Novel

- (i) Nyatakan perubahan kepada penduduk kampung
- Rumah yang rebah didirikan semula oleh orang kampung
  - Orang kampung bergotong-royong
  - Mereka menggantikan kayu-kayu yang rapuh dengan kayu-kayu baharu.

[4 markah]

- (ii) Dua peristiwa menunjukkan pengajaran

### Novel Jendela Menghadap Jalan

- Peristiwa Danel bijak mempelbagaikan resipi berasaskan buah pisang.  
**Pengajaran:** Kita haruslah bijak dalam melakukan sesuatu perkara dalam kehidupan agar dapat dicontohi oleh orang lain.
- Peristiwa Lili telah membantu Che Jah yang sering dipukul oleh suaminya Seman dengan melaporkan kejadian tersebut kepada pihak berkuasa.  
**Pengajaran:** Kita hendaklah ringan tulang membantu orang yang ditimpa kesusahan dalam kehidupan supaya mendapat ganjaran pahala daripada Tuhan.
- Peristiwa Lili akur dengan keputusan ibu yang mahukan dia pulang bercuti di Kemaman, Terengganu iaitu kampung datuknya.  
**Pengajaran:** Kita mestilah taat dan patuh akan perintah ibu bapa dalam kehidupan agar menjadi anak yang disayangi oleh ahli keluarga.



- Peristiwa Lili fasih bertutur dalam pelbagai bahasa asing seperti Thai dan Latin.  
**Pengajaran:** Kita hendaklah menguasai pelbagai bahasa dalam kehidupan supaya lebih mudah berkomunikasi dengan bangsa asing.
- Peristiwa Lili telah bekerjasama Danel untuk menyelesaikan masalah peletakan kubah masjid.  
**Pengajaran:** Kita mestilah bekerjasama melakukan sesuatu perkara dalam kehidupan agar masalah yang serius dapat diselesaikan dengan mudah dan cepat.
- Peristiwa Seman sering memukul isterinya, Che Jah tanpa belas kasihan.  
**Pengajaran:** Kita janganlah bersikap zalim terhadap ahli keluarga sendiri dalam kehidupan seharian agar dapat melahirkan sebuah keluarga yang harmoni dan bahagia.
- Peristiwa Seman terjebak dalam gejala judi dan dadah.  
**Pengajaran:** Kita haruslah mengelakkan diri daripada terjebak dalam gejala penagihan dadah dan judi dalam kehidupan seharian supaya tidak mencemarkan nama baik diri dan keluarga.
- Peristiwa datuk tetap mempertahankan kelebihan perubatan secara tradisional berbanding perubatan secara moden.  
**Pengajaran:** kita hendaklah mempromosikan kaedah perubatan secara tradisional menggunakan tumbuhan herba agar khasiatnya dapat dinikmati oleh semua orang termasuklah generasi muda.
- Peristiwa Lili diculik oleh Rafiq dan Haziq dan dikurung di dalam sebuah pondok usang yang terletak di pinggir sebuah hutan.  
**Pengajaran:** Kita hendaklah berani menghadapi cabaran dan dugaan dalam kehidupan agar menjadi insan yang lebih cekal dan tabah.

### **Novel Songket Berbenang Emas.**

- a. Peristiwa Dahlia sanggup keluar dari asrama untuk menjaga adik-adiknya selepas ibu mereka dimasukkan ke hospital.  
**Pengajaran:** Kita hendaklah menyayangi adik beradik dalam kehidupan seharian agar keluarga yang bahagia dapat dilahirkan.
- b. Peristiwa Dahlia telah memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan STPM dan mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran ke negara Jepun.  
**Pengajaran:** Kita hendaklah bijak membahagikan masa dalam kehidupan agar menjadi pelajar yang cemerlang dalam akademik.
- c. Peristiwa Dahlia berani terjun ke dalam sungai untuk menyelamatkan Said yang sedang kelemasan.  
**Pengajaran:** Kita hendaklah berani dalam melakukan sesuatu tindakan dalam kehidupan agar dapat menyelamatkan orang yang sedang ditimpa kesusahan.
- d. Peristiwa Embong sanggup melakukan pelbagai kerja demi menyara ahli keluarganya.  
**Pengajaran:** Kita mestilah bertanggungjawab terhadap tugas yang telah diamanahkan dalam kehidupan supaya menjadi insan yang dihormati dan disayangi oleh masyarakat.

- e. Peristiwa Dahlia tetap bersabar walaupun sering difitnah oleh Aton dan neneknya sendiri.

**Pengajaran:** Kita hendaklah bersabar menghadapi cabaran dan dugaan dalam kehidupan agar menjadi insan yang cekal dan tabah.

- f. Peristiwa Dahlia sering mendengar nasihat dan pesanan daripada ibu bapanya.

**Pengajaran:** Kita hendaklah sentiasa patuh dan taat akan nasihat ibu bapa dalam kehidupan seharian agar hidup diberkati oleh Tuhan.

- g. Peristiwa nenek Dahlia memfitnah Dahlia mempunyai hubungan sulit dengan lelaki yang sering berkunjung di rumah Dahlia.

**Pengajaran:** Kita haruslah mengelakkan diri daripada perbuatan suka memfitnah orang lain dalam kehidupan agar hidup lebih diberkati Tuhan.

- h. Peristiwa Dahlia sanggup memaafkan nenek perbuatan Nenek Kiah yang suka memfitnah dirinya.

**Pengajaran:** Kita hendaklah memaafkan kesalahan orang lain dalam kehidupan agar menjadi insan yang berhati mulia.

- i. Peristiwa Dahlia memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia ( STPM ) setelah belajar dengan gigih dan tekun.

**Pengajaran:** Kita mestilah belajar dengan bersungguh-sungguh dalam kehidupan supaya mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.

[6 markah]

**BAHAGIAN C: RUMUSAN**

[30 Markah]

**Pendahuluan**

Rumusan ini membincangkan kebaikan/keperluan/faedah/kepentingan/manfaat bidang pertanian dan langkah untuk memacu/meningkatkan sektor pertanian negara.

[ 2 markah ]

**Bahan 1**

**Fokus 1: Kepentingan/Kebaikan/Keperluan/Faedah bidang pertanian dipertingkatkan untuk negara.**

1. dapat mengurangkan kebergantungan terhadap pengimportan bahan makanan dari negara lain
2. merupakan salah satu cara untuk menggalakkan pengaliran wang masuk ke dalam negara melalui pengeksporan hasil pertanian ke negara-negara luar
3. memberi peluang kepada penduduk setempat untuk bekerja di dalam bidang pertanian sekaligus menggalakkan pusingan wang di dalam negara.

**Bahan 2**

**Fokus 2: Hala tuju/Langkah/ Cara Kerajaan untuk meningkatkan bidang pertanian dalam negara**

1. meliputi usaha memoden dan meningkatkan pengeluaran pertanian bagi menjamin kestabilan bekalan dan harga makanan negara dengan memberikan penekanan dalam subsektor padi, ruminan dan perikanan.
2. kementerian akan merencanakan penglibatan pelaburan swasta dalam pertanian secara komersial serta meningkatkan dagangan eksport pertanian.
3. meliputi perkara menjadikan pertanian sebagai satu sumber pendapatan yang mampan dan kukuh serta menguntungkan untuk petani, penternak, nelayan dan agropreneur muda.
4. menambah baik ekosistem industri pertanian untuk menyokong pemodenan pertanian, pelaburan sektor swasta dan aktiviti pengembangan untuk petani, penternak dan nelayan.
5. memperkukuh struktur organisasi jabatan dan agensi di bawah kementerian untuk menambah baik sistem penyampaian serta tadbir urus kementerian.

[ 16 markah ]

**Penutup**

Kesimpulannya, pihak kerajaan haruslah memberi kemudahan dan sokongan dalam bidang pertanian supaya bekalan bahan makanan negara mencukupi.

[ 2 markah ]

# SKEMA JAWAPAN SET 3 (Kertas 2)

## BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[ 35 Markah ]

### SOALAN 1 : MORFOLOGI

Kata Nama Am

1. Kerajaan (1 markah)
2. Negara (1 markah)

1. **Kerajaan** telah memberikan suntikan vaksin secara percuma kepada rakyat bagi mengurangkan penularan wabak Covid-19. (1 markah)
2. **Negara** Malaysia telah memenangi pingat perak dalam acara berbasikal dalam Sukan Olimpik Tokyo 2020. (1 markah)

Kata kerja

1. memajukan (1 markah)
  2. Menyediakan (1 markah)
1. Kerajaan telah **memajukan** bidang pertanian dengan menggunakan teknologi moden. (1 markah)
  2. Perpustakaan sekolah telah **menyediakan** kemudahan pinjaman buku kepada murid. (1 markah)

### SOALAN 2 : SINTAKSIS

Jawapan.

1. Subjek : Rasuah  
Predikat : ialah amalan terkutuk yang dilakukan oleh orang yang tidak bertanggungjawab.
2. Subjek : Amalan ini  
Predikat : menjejaskan nama baik perasuah dan agensi yang diwakilinya.
3. Subjek : Pelaku rasuah  
Predikat : sukar terlepas daripada hukuman apabila dihadapkan ke muka pengadilan.

[6 markah]

**SOALAN 3 : PENYUNTINGAN****SALAH**

1. Aduh
2. Banyak mangsa-mangsa
3. Terkorban.
  
4. Warganegara-warganegara
5. Di atas
6. Kerja sama
7. Standard Operasi Prosedur
  
8. Kerajaan tetapkan
9. Penutup
10. Social
11. Di antara

**BETUL**

- Aduhai
- banyak mangsa
- terkorban! (kesalahan tanda bacaan ini pernah dikeluarkan dalam SPM )
- warganegara
- atas
- kerjasama
- Prosedur Operasi Standard (kesalahan dari segi hukum DM, SOP ialah singkatan daripada bahasa Inggeris)
- ditetapkan oleh kerajaan
- pelitup
- sosial
- antara

[11 *markah*]**SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD**

Lalu, orang Siam berasa hairan melihat tindakan Tun Umar itu. Pada waktu malam, Awi Dicu pun datang. Pada ketika itu, Bendahar Paduka Raja menyuruh semua pengikutnya mengikat obor pada pohon-pohon kayu. Setelah dipandang oleh orang Siam jumlah obor yang terlalu banyak, lalu Awi Dicu pun berkata, “Kelengkapan perahu Melaka sangat banyak. Jika mereka menyerang apa akan jadi kepada kita? Sedangkan sebuah perahunya tadi kita tidak dapat melawan.”

**SOALAN 5 : PERIBAHASA**

- i. ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi  
Peribahasa yang lain : bagaimana acuan, begitulah kuihnya
  
- ii. berat sama dipikul, ringan sama dijinjing  
Peribahasa yang lain : hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicicah

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**  
[35 Markah]

**SOALAN 6 :PETIKAN UMUM**

- (i) Maksud rangkai kata pencarian maklumat: proses mencari butir-butir.
- Proses mencari butir-butir [2 markah]
  - Proses mencari maklumat [1 markah]
  - Pencarian butir-butir [1 markah]

- (ii) Perbezaan kesan-kesan penggunaan telefon pintar:

**Bahan 1 :**

- Remaja menjadi mudah leka dengan peranti elektronik masing-masing dan seterusnya membawa perubahan ketara terhadap tingkah laku mereka yang lebih mementingkan hiburan.
- Penggunaan telefon pintar ini juga menyebabkan murid sering berkomunikasi dengan mencemarkan bahasa.

**Bahan 2 :**

- Telefon pintar digunakan untuk meningkat taraf atau kedudukan penggunanya.
- Telefon bimbit sudah dijadikan alat untuk meningkatkan ekonomi serta kemahiran diri.
- Telefon pintar kini sudah menjadi alat untuk mencari dan menambah rezeki.

- (iii) Pada pendapat saya, murid-murid sekarang berhasrat memiliki telefon pintar :

- Terpengaruh dengan perubahan yang berlaku di sekeliling mereka.
- Terpengaruh dengan rakan sebaya yang telah memiliki telefon pintar.
- Tertarik dengan iklan yang sering memaparkan model telefon pintar yang baharu.

- (iv) Saya dapat membantu adik saya yang kelekaan dengan :

- Mengajaknya melakukan aktiviti lain seperti hobi atau bermain sukan kegemarannya.
- Menerangkan keburukan alat komunikasi yang serba canggih ini jika tidak dimanfaatkan.
- Menasihatinya supaya memanfaatkan alat ini.
- Menggalakkannya membaca buku-buku yang menarik bagi mengalih perhatiannya daripada telefon pintar.

**SOALAN 7 :PETIKAN SASTERA**

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, kerisauan yang diluahkan oleh Tau kepada abangnya Ludin:

- Meluahkan kerisauannya terhadap hutan yang sedang diteroka tanpa batasan.
- Dia risaukan masa depan kampung halamannya.

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2** , kelebihan-kelebihan menjaga hutan ialah :

- banyak perkara atau ilmu yang boleh dipelajari mengenai hutan .
- tanah dapat mengeluarkan hasil seperti tanaman .
- terdapat ikan dan binatang yang boleh dijadikan makanan
- bunga menebarkan keharuman.

(3 markah)

(iii) Alam sekitar sangat penting kepada kehidupan manusia.  
Pada pendapat saya , cara-cara menjaga alam sekitar ialah:

- Aktiviti tanaman pokok
- Penjagaan kebersihan sungai
- Amalan kitar semula
- Peranan kerajaan tentang alam sekitar

(4 markah)

(iv) Sebagai remaja yang prihatin, tindakan-tindakan yang perlu saya lakukan bagi mencegah pembuangan sampah tersebut agar hutan menjadi bersih dan kembali nyaman ialah:

- menasihati remaja tersebut agar tidak membuang sampah
- membantu membersihkan hutan
- menggali lubang dan menimbuskan sampah sarap
- meminta pihak berwajib menyediakan tempat membuang sampah
- melaporkan kepada pihak berkenaan jika remaja tersebut membuang sampah lagi.

(4 markah)

### SOALAN 8 : NOVEL

(i) Cara-cara penjagaan kesihatan secara tradisional yang diamalkan oleh datuk dengan memanfaatkan bahan sedia ada atau bahan percuma di rumahnya ialah

- i. hampas kopi dijadikannya losen tangan
- ii. hampas teh untuk menyegarkan mata.
- iii. lobak pula bagi melancarkan air kencing dan mengurangkan sakit kepala.

[4 markah]

(ii) Peristiwa yang memperlihatkan elemen kasih sayang

#### **Novel Songket Berbenang Emas.**

- i. Peristiwa kesanggupan Dahlia berkorban dan bersusah payah demi keluarga.
  - Peristiwa Dahlia sanggup keluar dari asrama dan berulang alik ke sekolah sejauh 30 kilometer. Dahlia sanggup berulang alik ke sekolah yang begitu jauh dari rumahnya semata-mata kerana dia ingin membantu ayahnya menguruskan adiknya dan kerja-kerja rumah setelah ibunya dimasukkan ke hospital.
  - Peristiwa ini memperlihatkan elemen kasih sayang kerana kasih sayang Dahlia terhadap keluarganya menyebabkan Dahlia sanggup bersusah payah dan berpenat lelah demi meringankan beban ayahnya dan demi menjaga adiknya yang masih kecil.

### **Novel Jendela Menghadap Jalan**

- i. Peristiwa kesanggupan Lili memaafkan kesalahan orang lain.
  - Peristiwa Lili yang sanggup memaafkan Haziq dan Rafiq yang telah menculik dan mengurungnya di sebuah pondok usang.
  - Peristiwa ini memperlihatkan elemen kasih sayang kerana kasih sayang Lili terhadap remaja yang pada asalnya seorang anak yang baik tetapi dibelenggu oleh masalah keganasan rumah tangga kedua-dua ibu bapa mereka iaitu Che Jah dan Seman. Jadi, Haziq dan Rafiq mula memberontak.



**BAHAGIAN C: RUMUSAN**  
[30 Markah]

**Fokus 1** (Cara-cara menjaga kesihatan diri)

Bahan 1

1. kesedaran tentang tubuh sangat memerlukan penjagaan
2. mendapatkan maklumat tentang penjagaan kesihatan
3. pemeriksaan kesihatan berkala sekurang-kurangnya tiga kali setahun
4. mengamalkan pemakanan yang seimbang dan berkhasiat dalam kehidupan
5. melakukan senaman dua atau tiga kali seminggu
6. amalan minum air kosong juga perlu dititikberatkan
7. mengamalkan senaman yang konsisten
8. rehat dan tidur secukupnya

**Fokus 1** ( cara-cara menjaga kesihatan diri daripada covid)

Bahan 2

1. kerap membasuh tangan
2. duduk di rumah
3. amalkan jarak sosial 1 meter

**Fokus 2** (kepentingan menjaga kebersihan diri)

Bahan 1

1. menjamin keceriaan hidup seseorang
2. keadaan tubuh yang tidak mengalami sebarang masalah
3. pemeriksaan begini mampu mengesan penyakit ketika masih pada peringkat awal
4. menjamin tahap kesihatan yang berterusan
5. diet yang seimbang dapat memastikan tubuh seseorang memiliki zat yang diperlukan

# SKEMA JAWAPAN SET 4 (Kertas 2)

## BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 Markah]

### 1. MORFOLOGI

Kata ganda

1. sekurang-kurangnya
  2. pihak-pihak
1. Bantuan yang disalurkan oleh beberapa pihak dalam keadaan genting itu **sekurang-kurangnya** dapat meringankan beban dan kerisauan para pelajar yang terkandas.
  2. Campur tangan **pihak-pihak** tertentu dalam kes penerokaan hutan secara haram telah memburukkan lagi keadaan.

Kata tugas

1. di
  2. telah
1. Sarah dan kawan-kawannya berjaya mengumpul dana untuk membantu mangsa banjir **di** Hulu Selangor.
  2. Rakyat **telah** diingatkan agar mematuhi peraturan serta menjaga kebersihan diri dalam usaha mengekang penularan Covid-19 yang sedang melanda sekarang.

[8 markah]

### 2. SINTAKSIS

- (i) Safawi : Siapakah yang memakai baju berwarna merah itu?  
Safawi menanyakan Brendan orang yang memakai baju berwarna merah itu.
- (ii) Brendan : Oh, itu Aidil, pelajar baharu di sekolah ini!  
Brendan memberitahu bahawa orang itu ialah Aidil, iaitu pelajar baharu di sekolah mereka.
- (iii) Safawi : Saya rasa hendak mengajaknya menyertai Kelab Pencegahan Jenayah.  
Safawi berhasrat untuk mengajak Aidil menyertai Kelab Pencegahan Jenayah.
- (iv) Brendan : Eloklah. Lagipun dia masih baru di sini, tentu memerlukan rakan.  
Brendan menyokong dan menjelaskan bahawa Aidil masih baharu di sekolah itu sudah pasti dia memerlukan kawan.
- (v) Safawi : Saya akan berjumpanya selepas latihan di padang petang ini.  
Safawi memaklumkan bahawa dia akan berjumpa dengan Aidil selepas latihan di padang petang itu.
- (vi) Brendan : Bukankah latihan petang ini dibatalkan?  
Brendan mengingatkan bahawa latihan pada petang itu dibatalkan.

- (vii) Safawi : Kalau begitu, saya akan berjumpa dengannya pagi esok sebelum perhimpunan. Safawi memaklumkan bahawa jika demikian, dia akan berjumpa dengan Aidil sebelum perhimpunan pada pagi esok.

[6 markah]

### 3. PENYUNTINGAN

	<b>SALAH</b>	<b>BETUL</b>
[11	1. di dalam	- dalam
	2. diperhebatkan	- diperhebat
	3. pro-aktif	- proaktif
	4. kerana	- agar
	5. sektor	- aspek
	6. industry	- industri
	7. pemintegrasian	- pengintegrasian
	8. pelbagai-bagai	- pelbagai
	9. di antara	- antara
	10. peraduan	- program
	11. kedua	- kedua-dua

markah]

### 4. BAHASA MELAYU STANDARD

Sultan Muzaffar Syah telah berkenan untuk mendengar penjelasan Tun Perak. Pada pendapat baginda, “Tun Perak tidak sepatutnya menjadi bentara tetapi menjadi Perdana Menteri.”

Tun Perak digelar Paduka Raja dan disuruh duduk di seri balai setara dengan Seri Nara Diraja lalu Seri Nara Diraja terpaksa beralih ke tengah.

[6 markah]

### 5. PERIBAHASA

#### 1. Buah fikiran

Maksud : Pendapat atau pandangan seseorang berkenaan sesuatu isu

#### 2. Untung sabut timbul, untung batu tenggelam

Maksud : Selamat jika bernasib baik, binasa jika bernasib malang

[4 markah]

## BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 Markah]

### 6. PEMAHAMAM UMUM

- (i) Maksud merakam imej adalah *menyimpan objek/gambar*.

[2 markah]

- (ii) Perbezaan:

Bahan 1- Teleskop ialah teropong yang digunakan untuk melihat objek yang jauh.

Bahan 2- Kamera digital adalah sebuah peranti elektronik yang digunakan untuk memvisualisasikan keadaan sekitar

[3 markah]

- (iii) Kebaikan-kebaikan penggunaan peranti elektronik.
- Merakam kenangan indah dalam kehidupan manusia.
  - Alat perhubungan
  - Menjadi bukti setiap peristiwa yang berlaku
  - Perniagaan atas talian
- [3 markah]

- (iv) Peranan yang saya dapat lakukan adalah:
- Memberi nasihat
  - Membawanya bertemu ustaz/guru/kaunselor
  - Memaklumkan perkara ini kepada ibu bapanya/keluarganya
  - Mengajaknya menghadiri/menyertai kelas agama/ceramah
- [4 markah]

## 7. PEMAHAMAN SASTERA

- (i) Watak yang terlibat
- Ahmad Mutawakkil
  - Sandra
- [2 markah]

- (ii) Berdasarkan semua bahan, bukti perjuangan pemimpin dan rakyat untuk mengekalkan kedaulatan negara ialah:

### Bahan 1

- terus berjuang mendesak Inggeris berundur
- memastikan Persekutuan Tanah Melayu menjadi kenyataan

### Bahan 2

- pewaris bangsa yang lahir daripada pengorbanan pahlawan terdahulu
- berani berjuang mempertahankan maruah bangsa

[3 markah]

- (iii) Pada pendapat saya, nilai semangat patriotik ini perlu ditanam kepada rakyat dan pemimpin di negara kita kerana:

- Segelintir rakyat Malaysia sekarang tidak berbangga dengan budaya dan adat sendiri
- Rakyat pada masa ini sudah hilang jati diri
- Masyarakat dipengaruhi oleh media massa yang mengagungkan pengaruh luar.
- Perpaduan negara mula terhakis disebabkan provokasi segelintir individu

[4 markah]

- (iv) Sebagai remaja pada hari ini, persediaan yang perlu saya lakukan untuk mengisi kemerdekaan di negara kita ialah:

- Mempelajari dan menghayati sejarah bangsa
- Menyertai aktiviti-aktiviti berusur patriotisme
- Menonton filem-filem nasionalisme
- Melawat tempat bersejarah/pameran sejarah

[4 markah]

**8. SKEMA NOVEL****(i) Suasana di Pusat Pemindahan Banjir**

- Balai raya berukuran 50 x 20
- Hidup tanpa bekalan elektrik
- Tiada kemudahan televisyen
- Tiada tilam yang empuk
- Tiada makanan yang bersaji

[4 markah]

**(ii) Peristiwa yang menunjukkan kepincangan dalam masyarakat.****Novel Jendela Menghadap Jalan**

1. Peristiwa anak-anak Che Jah iaitu Rafiq dan Haziq terlibat dengan penagihan dadah dan sering mencuri barang-barang di rumah mereka.
  - Kepincangan masyarakat yang runtuh/rosak disebabkan anak muda yang terlibat dengan najis dadah
2. Peristiwa Che Jah hidup menderita akibat sering menjadi mangsa sepak terajang suaminya, Seman yang bersifat panas baran, kaki judi dan pemabuk.
  - Kepincangan masyarakat yang melakukan keganasan dalam rumah tangga.
3. Peristiwa Seman sebagai seorang ayah yang mengabaikan tanggungjawab sebagai ketua keluarga dan menyebabkan anak-anaknya, Haziq dan Rafiq menjadi nakal serta terlibat dalam penagihan dadah jenis syabu.
  - Kepincangan masyarakat tentang seorang bapa yang kejam dan tidak bertanggungjawab.
4. Peristiwa penduduk Kampung Sentosa tidak sepakat dan bertelagah dalam isu pemasangan kubah iaitu sama ada meletakkan kubah pada bumbung surau yang telah usang atau pada bumbung masjid yang belum dibina.
  - Kepincangan masyarakat yang tidak bersepakat dalam melaksanakan isu-isu penting di kampung.

[6 markah]

**Novel Songket Bebenang Emas**

1. Peristiwa Nek Kiah sanggup menjual tanah tapak rumah Embong demi wang. Nek Kiah ingin menjual tapak rumah Embong dengan harga RM15,000 walaupun dia tahu bahawa Embong sekeluarga tiada tempat lain untuk tinggal.
  - Kepincangan masyarakat yang mempunyai sikap mementingkan diri sendiri.
2. Peristiwa Aton menuduh Dahlia sebagai pembunuh anaknya.
  - Aton bukan sahaja langsung tidak menghargai usaha Dahlia bersusah payah cuba menyelamatkan Said malahan Aton menuduh Dahlia membunuh anaknya di hadapan orang ramai yang menziarahi jenazah anaknya.
  - Kepincangan masyarakat yang suka membuat tuduhan tidak berasas.

3. Peristiwa Nek Kiah memandang hina dan meluahkan perasaan tidak puas hati terhadap Embong yang dikatakan membawa nasib malang terhadap anaknya, Saleha sejak mereka berkahwin hingga mempunyai enam orang anak.
  - Kepincangan masyarakat yang memandang rendah terhadap keluarga yang lain
4. Peristiwa Abu Bakar, anak lelaki tunggal Embong yang tiga hari tidak pulang ke rumah dan sering melepak dengan kawan-kawannya di luar serta tidak mahu mendengar nasihat ayahnya, Embong dan kakaknya, Dahlia.
  - Kepincangan masyarakat remaja yang sering terpengaruh dengan rakan sebaya

[6 markah]

**BAHAGIAN C: RUMUSAN**  
[30 Markah]

**Pendahuluan**

Rumusan ini membincangkan faktor-faktor/sebab-sebab kemerosotan semangat kejiranan dan amalan hidup berjiran. [2 markah]

Rumusan ini membincangkan faktor-faktor/sebab-sebab kemerosotan semangat kejiranan. [1 markah]

**FS 1 - Faktor kemerosotan semangat kejiranan**

**Bahan 1**

1. Perubahan dalam kehidupan bermasyarakat
2. Kesibukan bekerja dalam kalangan masyarakat
3. Jurang status sosioekonomi masyarakat
4. Sikap mengutamakan perkauman dalam kalangan masyarakat
5. Sikap saling tidak mengenali antara jiran
6. Sikap tidak mempedulikan antara satu sama lain
7. Sikap dengki atau benci-membenci dalam kalangan penduduk setempat
8. Faktor teknologi maklumat dan komunikasi
9. Struktur dan reka bentuk perumahan moden
10. Sikap individualistik dalam kalangan masyarakat

**FS 2 - Amalan hidup berjiran**

**Bahan 2**

1. Ziarah-menziarahi jiran tetangga
2. Sertai aktiviti-aktiviti komuniti
3. Saling membantu
4. Peka dan prihatin terhadap persekitaran

**Bahan 3**

1. Bertegur sapa dengan jiran-jiran
2. Berbaik sangka dengan jiran

**Kesimpulan**

Kesimpulannya, masyarakat harus bekerjasama mengatasi kemerosotan nilai kejiranan agar/supaya hidup lebih sejahtera. [2 markah]

Kesimpulannya, masyarakat perlu berusaha untuk memastikan kemerosotan nilai kejiranan dapat diatasi. [1 markah]



### Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana - mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan modul ini dalam apa juga bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak.

Penerbit :  
©Sektor Pembelajaran,  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak  
Jalan Tawas Baru Utara, Tasek Damai,  
30010, Ipoh, Perak Darul Ridzuan  
Tel: 05-292 2745 / 05- 292 3603  
Faks : 05 – 292 3851  
2022

---

